

SAMUDERA



WADAH MENGEMBANGKAN MINDA THE NAVY PEOPLE

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY • BIL. 01/2011 • ISSN 0127-6700

SAMBUTAN HARI TLDM

WARGA DIDAHULUKAN
KESIAGAAN/DIUTAMAKAN



NAVY PLAN 2011
TRANSFORMASI KE ARAH
TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA

KEJAYAAN TLDM 2010
PENYUNTIK MOTIVASI



ISSN 0127-6700



LANUN SOMALIA TUMPAS



Your Thinking Company



SYSTEM CONSULTANCY



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd

System Consultancy Group of Companies

Head Office

System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur.

Tel • 603-4149 1919 Fax • 603-4149 2121 E-mail: scshq@pojaring.my

DARI MEJA

Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu saya mengucapkan salam perkenalan kepada semua pembaca SAMUDERA. Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya keluaran ulung Majalah SAMUDERA pada tahun ini dapat diterbitkan serentak dengan sambutan Hari TLDM yang ke-77.

Keluaran kali ini turut menyaksikan pertukaran Ketua Editor. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Ketua Editor, Yang Berbahagia Laksamana Pertama Mohd Reza bin Mohd Sany di atas sumbangan yang telah diberikan kepada SAMUDERA sepanjang beliau menjadi Ketua Editor. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pucuk Pimpinan Tertinggi TLDM di atas perlantikan saya sebagai Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi seterusnya sebagai Ketua Editor SAMUDERA. Insya Allah, dengan komitmen penuh Sidang Redaksi, SAMUDERA akan terus mengorak langkah sebagai wadah mengembangkan minda *the Navy People*.

Membuka tirai tahun 2011 adalah paparan kejayaan Pasukan Khas Laut merampas kembali MT BUNGA LAUREL yang ditawan lanun di perairan Lautan Hindi. Sesungguhnya ia adalah kejayaan paling bermakna yang melonjak nama TLDM sebagai angkatan laut yang profesional setanding negara maju. Tidak lupa juga paparan kejayaan yang dicapai TLDM sepanjang tahun 2010 mengisi ruang edisi kali ini bagi menyuntik motivasi agar *the Navy People* mencipta kejayaan yang besar pada tahun ini.

Sesuai dengan edisi pertama pada tahun ini, SAMUDERA terus melangkah ke hadapan melalui reka bentuk dan konsep baru. Semoga edisi kali ini dapat memberi manfaat dan paparan yang berfaedah serta berguna untuk dikongsi bersama.

Sekian, Salam Hormat dari Krew Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN



SAMUDERA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG / PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Hj. Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Muda Dato' Musa bin Omar

EDITOR

Kept Sabri bin Zali TLDM

Kdr Shaiful Nizam bin Abd Manan TLDM

Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM

WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Kdr Masliza bte Maaris TLDM

Lt Siti Salina bte Johari TLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

WAKIL MARKAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN TLDM

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 1

Lt Muhammad Hafiz bin Shahrom TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 2

Lt Ahmad Fitri bin Alias TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 3

Lt Fariz Hedry Ling bin Firdaus Hedry Ling TLDM

WAKIL KD SULTAN ISMAIL

Lt Mohd Farid bin Shamsuri TLDM

PENGEDARAN

BM PBS (I) Kamarul Zaman bin Masery

BM PNK Khairul Hafiz Ted bin Abdullah

REKABENTUK

Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

Jalan Chan Sow Lin

50554 KUALA LUMPUR

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan pertahanan daripada seluruh warga *the Navy People* dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Rancang dan Operasi
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-20713218/ 3072/ 3074/ 3187

Faks: 03-26981680/ 26927677

The Navy Plan 2011:
Transformasi Ke Arah
Tentera Laut Bertaraf
Dunia

4



Kandungan

Kejayaan Tentera
Laut Diraja
Malaysia 2010:
Penyuntik Motivasi

6



9 Tiga Tahun Berturut-turut TLDM
Menjuarai Pertandingan
Sukan Antara Perkhidmatan

Lanun Somalia Tumpas

18 KD SULTAN IDRIS I
Merintis Kejayaan

20 Pembangunan Kapal Latihan
TLDM

21 KD SELANGOR Pelengkap
Perolehan Kapal Ronda
Generasi Baru

22 PALAPES - Laut Pertama ALAM

25 Royal Malaysian Navy and
United States Navy Bilateral
Cooperation

26 Menzahirkan Kedaulatan
Perairan Negara

30 DYMM SPB Yang Di-Pertuan
Agong Tuanku Mizan Mencemar
Duli Menyelam Bersama Kapal
Selam Pertama Negara

36 Falsafah Pemerintahan: Memangkin
Kepimpinan Berkualiti

44 Inovasi Terkini Kejuruteraan
Hidrografi: Kombinasi Imbasan
Laser dan Sistem Pemerun Gema
Berbilang Sisi

OP FAJAR
Konsep Dan
Pelaksanaan

11



Mesyuarat Agung
Pertama BAKAT
Laut 2011
Menjana Inspirasi

50

SELAMAT DATANG
KE
KD SRI GOMBAK



Rolls-Royce – the perfect partner for propulsion systems and support solutions



Gas turbines



Diesels



HV/LV electrical
distribution



Automation/
control



Bearings



Propellers



Waterjet
propulsion



Thrusters



Stabilisers



Steering gear

At Rolls-Royce we are committed to working closely with our customers to develop the innovative propulsion system solutions that will fully meet future operational demands. As experienced ship designers with the broadest product range in the industry at hand, our integrated systems are reliable and compact yet flexible and cost effective. Where predictable or fixed life-cycle costs are important,

our support packages can be tailored to individual requirements with guarantees for performance and safety. A complete service from initial concept design, through supply, installation, commissioning and life-long support makes Rolls-Royce your perfect partner.

Trusted to deliver excellence

THE NAVY PLAN 2011:


TRANSFORMASI KE ARAH TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA

Oleh: Lt Kdr Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM, PS 2 Strategik BPS

The Navy Plan merupakan Pelan Strategik TLDM yang digunakan sebagai hala tuju TLDM ke arah mencapai misi dan visi yang ditetapkan. Pembangunan the Navy Plan ini adalah berasaskan metodologi *Balanced Scorecard* (BSC) yang diyakini dapat membantu TLDM dalam menguruskan segala keperluan dalam setiap perspektif untuk dicapai dengan jayanya. TLDM telah mengguna pakai metodologi BSC sejak tahun 2003 dalam melaksanakan pengurusan strategik dan prestasi. Sehingga kini TLDM boleh dianggap matang dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Strategik. Penggunaan metodologi BSC ini merupakan satu permulaan ke arah transformasi TLDM bagi mencapai visi yang ditetapkan. Beberapa perubahan dilakukan bagi menambah baik sistem pengurusan sedia ada. Seiring dengan keperluan transformasi, pucuk Pimpinan Tertinggi TLDM telah mencapai kata sepakat untuk membuat perubahan kepada visi sebelumnya iaitu Menjadi Tentera Laut Berkualiti kepada Tentera Laut Bertaraf Dunia. Pengenalan visi baru ini dilihat tepat pada masanya yang menyaksikan TLDM telah menjangkau usia 77 tahun penubuhannya.



Pelancaran The Navy Plan 2011



OBJEKTIF STRATEGIK THE NAVY PLAN 2011

The Navy Plan 2011 dirumus dan digubal sebagai kesinambungan daripada Pelan Strategik yang telah digunakan pada tahun-tahun sebelumnya. Pelan yang dirumus berdasarkan kepada empat perspektif iaitu Pihak Berkepentingan (*Stakeholder*), Sumber (*Resource*), Proses Pewajaran (*Enabling Process*) dan Pembelajaran dan Pembangunan (*Learning and Growth*) ini mengambil kira fokus yang perlu diutamakan ke arah menjadikan TLDM sebagai sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia. The Navy Plan 2011 menggariskan lima Objektif Strategik yang menjadi strategi utama TLDM seperti berikut:

1. Kesiagaan (*Preparedness*) - TLDM akan memastikan tahap kesiagaan aset sentiasa pada tahap tertinggi bagi memastikan setiap penugasan sama ada misi, operasi, latihan dan eksekusi dapat dilaksanakan dengan sempurna. Objektif Strategik ini juga akan memberi tumpuan terhadap memenuhi keperluan Pihak Berkepentingan seperti Kementerian Pertahanan, kerajaan dan juga rakyat Malaysia. Tahap kesiagaan yang tinggi akan memberi tanggapan positif dan imej yang baik terhadap TLDM dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan maritim negara sentiasa terpelihara. Usaha yang berterusan bagi meningkatkan kesiagaan aset TLDM perlu dilaksanakan demi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.
2. Menambah Baik Kesiediaan Sumber (*Improve Resource Availability*) - Objektif Strategik ini memfokuskan kepada pencapaian tahap kesiediaan aset yang terpuji bagi memenuhi keperluan operasi. Kesiediaan aset yang tinggi akan membolehkan setiap tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kesiediaan aset TLDM yang dimiliki perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui program yang dirancang. Budaya selenggaraan perlu dijadikan amalan bagi memastikan sumber dan aset sedia ada dijaga dengan baik. Kesiediaan aset yang sentiasa siaga dan bersedia pada setiap masa akan menjamin kedaulatan negara. Sumber TLDM bukan sahaja difokuskan kepada aset tempur sahaja tetapi juga aset-aset sokongan yang lain seperti infrastruktur, kenderaan, peralatan dan lain-lain.
3. Menambah Baik Pengurusan Sumber Manusia (*Improve Human Resource Management*) - Objektif Strategik ini bertujuan untuk menambah baik pengurusan sumber manusia ke arah pengurusan yang cemerlang. Pelaksanaan pengurusan sumber manusia secara

sistematik akan ditumpukan kepada penghasilan warga kerja yang kompeten dan mempunyai nilai serta etika yang tinggi. Konsep 'the right man for the right job' akan meningkatkan lagi tahap profesionalisme serta motivasi warga TLDM untuk mencapai visi yang ditetapkan. Tumpuan akan turut diberikan kepada mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif melalui penekanan terhadap kualiti hidup dan kualiti tempat kerja. Peningkatan kualiti ini akan mendorong warga TLDM menghasilkan tugas dan mutu kerja yang tinggi sesuai dengan taraf TLDM sebagai Tentera Laut Bertaraf Dunia.

4. Menambah Baik Pengurusan Logistik (*Improve Logistics Management*) - Objektif Strategik ini memberi fokus ke arah meningkatkan pengurusan logistik yang efisien dan berkesan bagi mencapai satu tahap pengurusan sumber yang tinggi. Tumpuan utama strategi ini adalah terhadap pembaikan kapal di limbungan. Usaha dan inisiatif akan dilaksanakan bagi memastikan projek pasang pulih (*refit*) kapal dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Tumpuan lain, walau bagaimanapun turut diberikan ke atas segala aspek pengurusan logistik merangkumi aspek bekalan dan kejuruteraan ke arah memastikan pengurusan yang cekap dan efisien. Pemantapan sistem pengurusan rantai bekalan akan terus dilaksanakan bagi menyokong pengurusan logistik yang berkesan. Hasil daripada peningkatan sistem pengurusan logistik ini akan memberi impak kepada pengoperasian aset TLDM di samping dapat meningkatkan kesejahteraan warga.

5. Membangunkan Modal Insan (*Develop Human Capital*) - Objektif strategik ini akan difokuskan kepada usaha membangun dan menyediakan warga TLDM dengan tahap kompetensi dan nilai yang positif bagi mencapai keperluan modal insan yang diperlukan oleh TLDM. Penekanan terhadap tahap kompetensi ini akan difokuskan kepada pelaksanaan kaedah latihan yang lebih bersestematik dan berkesan bagi menyediakan warga kerja yang dapat melaksanakan tugas dengan cekap, efektif dan efisien. Warga yang kompeten akan mendorong TLDM menjadi sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia. Warga TLDM juga akan diterapkan dengan nilai dan etika terpuji melalui penerapan Nilai Teras TLDM bagi melahirkan warga yang berintegriti tinggi. Penekanan terhadap kepatuhan terhadap arahan, peraturan dan prosedur hendaklah dilaksanakan di setiap peringkat TLDM. Penguatkuasaan yang lebih ketat dan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan segala ketidakakuran yang berlaku dapat ditangani dengan

sewajarnya. Program motivasi juga akan diberi perhatian melalui program pengiktirafan, peningkatan kerjaya dan kesejahteraan hidup yang dilaksanakan. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti sosial, kebajikan dan kerohanian hendaklah dipastikan pada tahap yang baik dan lancar.

PENERAPAN NILAI TERAS TLDM

Penerapan sikap yang berteraskan Nilai Teras TLDM turut memainkan faktor penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik TLDM. Empat nilai teras baru yang telah digariskan iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan merupakan asas kepada warga yang cemerlang. Nilai teras ini digariskan bertujuan untuk memastikan setiap warga TLDM mempunyai dan mengamalkan nilai-nilai murni serta mendorong ke arah tahap integriti yang tinggi.

4 Nilai Teras TLDM

1. Kemuliaan (*Honour*) - Setiap warga perlu menekankan nilai kejujuran, berintegriti dan menjaga maruah diri serta nama baik Tentera Laut Diraja Malaysia.
2. Kesetiaan (*Loyalty*) - Setiap anggota perlu komited terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagai warga yang setia kepada perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia.
3. Keberanian (*Courage*) - Setiap warga perlu berani menahuti cabaran dan mampu melaksanakan segala tugas yang diamanahkan tanpa rasa takut atau gentar.
4. Kebanggaan (*Pride*) - Setiap warga perlu berasa bangga menjadi anggota tentera laut dan berbangga berkhidmat dengan Tentera Laut Diraja Malaysia.

PENUTUP

Setiap warga TLDM perlu menyokong dan memberi komitmen tinggi dalam melaksanakan setiap strategi dan juga inisiatif yang digariskan dalam 'the Navy Plan 2011'. Pemahaman terhadap setiap strategi yang digariskan di dalam 'the Navy Plan 2011' ini menjadi faktor penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik TLDM. Proses pelayatan dan penajajaran yang sewajarnya melalui pembangunan kad skor perlu dilaksanakan untuk menyokong pencapaian strategi TLDM. Justeru, komitmen dan sokongan padu daripada semua peringkat TLDM amat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan 'the Navy Plan 2011' ini.

PENYUNTIK MOTIVASI



Anugerah Inovasi & Kreativiti Peringkat Kementerian Perkhidmatan Tahun 2010

Oleh: Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM
Diolah dari Skrip Ucapan Ulung PTL bagi Tahun 2011

Tahun 2010 merupakan tahun yang mencabar bagi TLDM kerana segenap aspek pengoperasian dan pengurusan perlu diurus dengan peruntukan yang terhad. Namun begitu TLDM berjaya mengekalkan tahap pengoperasian serta berjaya menentukan kebajikan dan kesejahteraan warganya terus dijaga walaupun dengan pengurangan 17.5 peratus daripada peruntukan tahun sebelumnya.

Ketibaan KD TUN ABDUL RAZAK pada 2 Julai di Pangkalan TLDM Lumut telah melakar satu lagi sejarah dengan pengoperasian skuadron kapal selam di dalam TLDM. Pelayaran yang mengambil masa selama 63 hari dari Toulon, Perancis ke Malaysia telah membuktikan keupayaan tinggi TLDM dan warganya dalam mengoperasikan kapal selam yang merupakan aset berteknologi tinggi. TLDM juga telah melaksanakan beberapa siri operasi penembakan misil dan torpedo dalam menguji keupayaan dan kesiagaan aset-aset tersebut. Dalam pada itu, pentauliah dua buah kapal iaitu KD KELANTAN dan KD SELANGOR, kedua-duanya pada 6 Mei dan 28 Disember di dalam inventori TLDM melengkapkan perolehan enam buah Kapal Peronda Generasi Baru.

Bagi menzhahirkan kedaulatan perairan maritim dan keselamatan aset-aset berkepentingan negara, TLDM telah melaksanakan pelbagai operasi seperti Op FAJAR (Penglibatan Kapal Auxiliary TLDM BUNGA MAS 5 telah berjaya mengiringi 202 buah kapal MISC sepanjang tahun 2010), Op KEKAL WARISAN, Op PEJARAK dan lain-lain operasi. Selain melaksanakan operasi-operasi tersebut, beberapa siri ekksesais yang komprehensif telah dilaksanakan bagi memastikan *the Navy People* kompeten dengan tugas dan peranan masing-masing. Ekksesais-ekksesais tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya di peringkat dalaman, antara perkhidmatan dan ekksesais di peringkat antarabangsa.

Selain ekksesais tersebut, kapal-kapal TLDM juga telah melaksanakan beberapa lawatan operasi ke lapan buah negara iaitu Yemen, Oman, India, Indonesia, Singapura, Thailand, Maldives dan Brunei. Pada masa yang sama juga, tahun 2010 telah menyaksikan peningkatan lawatan operasi oleh 67 buah kapal perang dan tujuh buah bot dari 15 buah negara ke Malaysia terutama dari Amerika Syarikat, Singapura, Indonesia, Thailand dan Australia. Tahun 2010 juga telah menyaksikan lawatan Panglima Tentera Laut Asing dari lima buah negara yang

membuktikan hubungan bilateral yang kukuh diantara TLDM dengan tentera laut negara Pakistan, Indonesia, Filipina, Perancis dan Thailand. Semua ini dilakukan bagi mengeratkan lagi hubungan diplomatik serta memantapkan kerjasama dengan pihak tentera laut asing.

Turut melakar kejayaan prestasi ialah Pusat Hidrografi Negara (PHN) yang telah menjadi peneraju kepada pelbagai inisiatif yang berkaitan dengan hidrografi negara. Antara pencapaian PHN adalah inisiatif untuk melihat semula Peta Baru Malaysia 1979. Beberapa cadangan TLDM telah dipersetujui oleh kerajaan bagi memperkukuhkan lagi kedaulatan negara. PHN juga terlibat secara langsung dalam projek *Marine Electronic Highway* yang merupakan projek serantau *Global Environment Facility* (GEF) di antara Malaysia, Singapura dan Indonesia untuk mewujudkan dan merangka infrastruktur teknologi maklumat bagi meningkatkan keselamatan pelayaran dan perlindungan alam sekitar marin di perairan Selat Melaka dan Singapura. PHN juga telah diberi tanggung jawab sebagai pengerusi Kumpulan Kerja Nama Pulau dan Entiti Geografi Luar Pesisir (KKNPELP) untuk mengenalpasti dan mendokumentasi kesemua nama-nama pulau dan entiti geografi luar

pesisir negara.

TLDM telah melaksanakan perbelanjaan berhemah dan terkawal pada tahun 2010 lanjutan daripada penguncupan ekonomi pada tahun 2009. Impak daripada 15 langkah penjimatan yang diambil oleh TLDM telah membuahkan hasil dengan menyaksikan penurunan kos tuntutan tugas, kos penggunaan diesel, petrol dan pelincir, kos penggunaan telefon bimbit pakej CELCOM, kos catuan dan sajian akibat daripada penjimatan penggunaan dan kos penggunaan alat tulis dan percetakan disebabkan pelaksananya oleh PHN. TLDM telah berjaya menjimatkan sebanyak RM 35 juta sepanjang tahun 2010. Bahagian Logistik TLDM juga telah memenangi beberapa anugerah seperti Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan Kementerian Pertahanan Tahun 2009 yang dimenangi PTJ KD SRI SANDAKAN dan Anugerah PTJ Terbaik Peringkat Program Tahun 2009 oleh PTJ KD PELANDOK. Penyampaian kedua-dua anugerah tersebut telah dilaksanakan pada 21 Jan 2010.

Dalam pada itu, tahun 2010 telah menyaksikan 264 pegawai dan 1,352 Lain-lain Pangkat dinaikkan pangkat. Selain dari itu, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan pemberian anjakan gaji telah juga dilaksanakan secara menyeluruh. Seramai 151 anggota telah dicalonkan untuk menerima APC dan 333 orang lagi menerima anjakan gaji. Statistik ini tidak termasuk pemberian APC dan anjakan gaji kepada anggota BAKES, Gelombang Biru dan anggota yang terlibat dalam sukan dengan cemerlang. Sebanyak 95 pegawai dan 58 LLP telah menerima pelbagai pingat persekutuan, negeri dan Darjah Kebesaran Angkatan Tentera (DKAT) bagi menghargai pengorbanan warga TLDM.

TLDM juga telah menghantar warganya menghadiri pelbagai kursus dalam dan luar negara bagi meningkatkan taraf pendidikan dan pengetahuan warga TLDM. Jumlah keseluruhan warga yang telah mengikuti kursus dalam negara adalah seramai 10,205 orang dan kursus luar negara pula seramai 99 orang.

Pengurangan bajet bagi tahun 2010 juga tidak menghalang TLDM untuk melaksanakan transformasi TLDM ke arah sebuah tentera laut yang bertaraf dunia. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menyemak semua doktrin, prosedur dan proses kerja di dalam TLDM melalui penghasilan Perintah Am TLDM

2010 bagi menggantikan Perintah Am TLDM Edisi 1997, pelancaran Buku Mutiara Anjungan yang memaparkan sejarah, peranan serta sumbangan wanita yang turut sama membangunkan TLDM dan pelancaran Buku Resepi TLDM yang merupakan hasil daripada usaha kolektif Bendari-bendari TLDM.

Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, TLDM telah melaksanakan 10 projek jiwa murni dengan memberi sumbangan, membaik pulih serta membersihkan tempat-tempat seperti

Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Jalan Kapar Klang oleh KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Sri Cahaya Balok oleh Markas Wilayah Laut 1, Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu Papar oleh Depot Logistik Wilayah Laut 2 dan Pembersihan Pantai Cenang oleh Markas Wilayah Laut 3. TLDM juga telah memberi bantuan berterusan kepada agensi-agensinya yang memerlukan. Antara bantuan yang telah dihulurkan sepanjang tahun 2010 adalah seperti 2 x bantuan *medical evacuation*,



Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kementerian Pertahanan



Kejayaan Penembakan Peluru Berpandu MM39 Dari Bawah Permukaan Oleh KD TUNKU ABDUL RAHMAN



Anugerah Kejayaan Sukan 2010

KEJAYAAN



Penganugerahan Sijil OHSAS 18001

Pelaksanaan persijilan *Earthcheck* ini akan dapat mencapai, secara purata, penjimatan tenaga sebanyak 30 peratus, penjimatan air sebanyak 20 peratus dan juga penjimatan sisa buangan sebanyak 30 peratus.

Secara keseluruhannya, pencapaian *The Navy Plan* pada tahun 2010 adalah pada tahap yang baik, di mana 3 daripada 7 Petunjuk Prestasi Utama atau KPI berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 4 KPI masih belum mencapai sasaran. Walau bagaimanapun, usaha dan tindakan yang lebih serius perlu dilaksanakan bagi beberapa aspek yang menunjukkan pencapaian yang rendah. Inisiatif yang lebih berkesan perlu diambil agar setiap strategi yang dirancang TLDM dapat dicapai dengan jayanya pada tahun 2011.

1 x bantuan pemindahan organ dan 29 x bantuan kepada pesakit awam menggunakan *hyperbaric chamber* di KD SRI SEMPORNA.

TLDM juga merangkul beberapa kejayaan yang manis serta pengiktirafan membanggakan. Antaranya ialah Johan Pertandingan Sukan Antara Perkhidmatan untuk tiga tahun berturut-turut dan kali ke-4 dalam tempoh 5 tahun kebelakangan. TLDM telah memenangi 18 acara, naib johan dalam 6 acara dan hanya 3 acara di tempat ketiga daripada 27 acara yang dipertandingkan. Dari segi peningkatan kualiti, TLDM telah memenangi dua anugerah inovasi dan kreativiti peringkat Kementerian Pertahanan bagi tahun 2010 daripada lima kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Inovasi Kategori Pengurusan Projek oleh Bahagian RANOP melalui Projek BM5 dan Kategori Pengurusan Pelanggan oleh KD MALAYA melalui projek *Emergency Water Supply Point*. Dalam aspek pengurusan berkualiti, sebanyak empat unit telah berjaya dipersijilkan dengan MS ISO 9001:2008 iaitu KD SRI GOMBAK, KD SRI KUANTAN, KD SRI SANDAKAN dan Markas Wilayah Laut 3.

Buat pertama kali dalam sejarah ATM, dua buah skuadron kapal TLDM iaitu Skuadron Frigate ke-23, KD JEBAT dan KD LEKIU dan skuadron MPCSS ke-31, KD MAHAWANGSA dan KD INDERASAKTI telah dipersijilkan dengan sistem pengurusan bersepadu iaitu gabungan Oshas 18001 dan MS ISO 9001:2008 serta empat unit TLDM iaitu KD PELANDOK, KDSI I, Pusat Kepimpinan dan Depot Bekalan Armada telah dipersijilkan dengan Sijil Amalan 5S. KD MALAYA dan KD PELANDOK juga menjadi unit pertama di dalam ATM untuk dipersijilkan dengan MS ISO 22000 pengurusan keselamatan makanan bagi meningkatkan peningkatan kualiti dan kebersihan penyediaan makanan kepada anggota TLDM. KD LEKIU dan KD INDERASAKTI juga menjadi organisasi kerajaan pertama mendapat persijilan *Earthcheck* peringkat *Bronze Certification*.



Anugerah Khidmat Cemerlang Kepada Warga TLDM



Pelancaran PA TLDM, Buku Mufida Anjungan dan Buku Resepi TLDM



Perlaksanaan Eksesais Mellibatkan Aset-Aset TLDM



Anugerah Sukan Tahun 2010 Peringkat Kementerian Pertahanan

TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT TLDM MENJUARAI PERTANDINGAN SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN

Oleh: Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM

TLDM telah merangkul kejayaan yang paling membanggakan apabila sekali lagi menjadi Johan Pertandingan Sukan Antara Perkhidmatan 2010. Temasya ini telah bermula pada bulan Mei hingga Disember 2010. Kejayaan ini amat bermakna di mana TLDM telah mencipta sejarah menjadi johan sebanyak 3 kali berturut-turut. Pada temasya tersebut, TLDM telah memenangi 18 daripada 27 acara yang dipertandingkan. Daripada jumlah itu, TLDM telah berjaya mengekalkan kejuaraan bagi 11 acara yang dimenangnya pada tahun 2009.

Kejayaan TLDM dalam mempertahankan kejuaraan adalah berkat sokongan dan komitmen berterusan semua pihak bermula dengan Panglima Tentera Laut sendiri yang sentiasa menjadikan sukan sebagai salah satu agenda utama dalam menerajui kecemerlangan TLDM dari aspek pembangunan modal insan. Ini boleh dilihat melalui kehadiran pihak pengurusan atasan TLDM untuk bersama-sama atlet dalam setiap acara yang dipertandingkan. Kehadiran Panglima-panglima dan Pegawai Kanan TLDM ternyata menaikkan semangat para atlet untuk beraksi dengan baik dan sentiasa berusaha meraih kemenangan. Selain itu, komitmen dan minat *the Navy People* untuk menjalani latihan secara bersungguh-sungguh sedikit sebanyak turut menyumbang ke arah kecemerlangan ini.

Paparan keputusan bagi setiap acara yang dipertandingkan pada temasya tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PERKHIDMATAN	JOHAN	N/JOHAN	KETIGA	KEDUDUKAN
1.	LAUT	18	6	3	1
2.	DARAT	5	17	5	2
3.	UDARA	4	4	19	3

BIL	ACARA SUKAN	KEPUTUSAN		
		JOHAN	N/JOHAN	KETIGA
1.	Sepak Takraw	DARAT	LAUT	UDARA
2.	Renang	LAUT	DARAT	UDARA
3.	Polo Air	LAUT	DARAT	UDARA
4.	Badminton	LAUT	UDARA	DARAT
5.	Hoki Lelaki	LAUT	DARAT	UDARA
6.	Hoki Wanita	LAUT	DARAT	UDARA
7.	Ping Pong	LAUT	UDARA	DARAT
8.	Payung Terjun	DARAT	LAUT	UDARA
9.	Bola Keranjang	UDARA	LAUT	DARAT
10.	Bina Badan	LAUT	DARAT	UDARA
11.	Ragbi	DARAT	UDARA	LAUT
12.	Skuasy	LAUT	DARAT	UDARA
13.	Menembak Lelaki	LAUT	DARAT	UDARA
14.	Menembak Wanita	LAUT	DARAT	UDARA
15.	Bola Jaring	LAUT	DARAT	UDARA
16.	Taekwando	LAUT	DARAT	UDARA
17.	Tenis	DARAT	LAUT	UDARA
18.	Bola Tampar Lelaki	DARAT	LAUT	UDARA
19.	Bola Tampar Wanita	LAUT	DARAT	UDARA
20.	Olahraga Lelaki	LAUT	DARAT	UDARA
21.	Olahraga Wanita	LAUT	DARAT	UDARA
22.	Tinju	UDARA	DARAT	LAUT
23.	Bola Sepak	LAUT	DARAT	UDARA
24.	Memanah	LAUT	DARAT	UDARA
25.	Golf	UDARA	DARAT	LAUT
26.	Kriket Lelaki	UDARA	LAUT	DARAT
27.	Kriket Wanita	LAUT	UDARA	DARAT



TLDM Johan Badminton



TLDM Naib Johan Bola Keranjang



PPK ATM Menawan Lanun di atas MT BUNGA LAUREL

LANUN SOMALIA TUMPAS



Senjata yang di rampas

Oleh: Lt Kdr Khairul Faizal bin Ahmad Kharidi TLDM

Kapal Auxiliary TLDM BUNGA MAS LIMA (BM 5) yang melaksanakan Operasi FAJAR 8/10 telah berjaya menyelamatkan kapal MT BUNGA LAUREL yang dirampas lanun di Perairan Lautan Hindi pada 21 Januari 2011. Operasi FAJAR yang telah dilaksanakan semenjak 21 Jun 2009 bertujuan memberi perlindungan kepada kapal dagang milik MISC dan yang berkepentingan kepada negara semasa melalui Perairan Teluk Aden (PTA) dari dirampas lanun. Kapal MT BUNGA LAUREL adalah kapal jenis *Chemical Tanker* yang didaftarkan di Panama dan dimiliki oleh M. Costus SA yang beribu pejabat di Jepun. Kapal ini yang dikendalikan oleh 23 orang krew warga negara Filipina telah disewa oleh MISC Berhad bagi membawa muatan minyak pelincir dan ethylene dichloride dari Timur Tengah ke Singapura.

Kejadian berlaku pada 20 Januari 2011 jam 11:40 malam, kira-kira 300 batu nautika Timur negara Oman, 2 jam selepas Kapal MT BUNGA LAUREL dipisahkan di kawasan 'selamat' setelah selesai diiringi BM 5 melalui PTA.

Kapal MT BUNGA LAUREL telah dinaiki oleh tujuh orang lanun yang berasal dari Somalia bersenjata dengan senapang AK-47 dan pistol dengan menaiki bot jenis *skiff*. Dalam masa yang sama, pihak lanun dipercayai menggunakan sebuah kapal induk bagi melancarkan serangan ini yang secara keseluruhan melibatkan seramai 18 orang lanun. Krew Kapal MT BUNGA LAUREL sempat mengaktifkan *Ship Security Alert System* sebelum berlindung di bilik keselamatan khas yang terletak berhampiran bilik jentera kapal. Amaran sistem ini turut diterima oleh *Emergency Reporting Centre MISC Berhad* yang terletak di Menara Dayabumi.

Bertindak dari panggilan kecemasan ini, BM 5 yang berada kira-kira 14 batu nautika dari Kapal MT BUNGA LAUREL bergegas ke tempat kejadian bagi mengamankan keadaan. Helikopter *Fennec* TLDM yang dilancarkan dari BM 5 turut terlibat di dalam operasi ini dengan memberi bantuan pemantauan dan tembakan dari udara. Tembakan tepat dan padu dari helikopter *Fennec* TLDM ke arah kapal induk lanun telah berjaya menghalangnya daripada memberi bantuan kepada lanun di atas Kapal MT BUNGA LAUREL. Pasukan Perlindungan Khas (PPK) ATM yang berada di atas BM 5 telah diatur gerakkan untuk menggempur lanun di atas Kapal MT BUNGA LAUREL pada jam 1:20 pagi.

Selepas berbalas tembakan dengan pihak lanun, akhirnya PPK ATM berjaya menawan kembali dan

menyelamatkan semua krew Kapal MT BUNGA LAUREL. Seramai tiga orang lanun mengalami kecederaan ringan dan telah diberi rawatan di atas BM 5. PPK ATM telah berjaya mengamankan keadaan dalam masa 2 jam selepas Kapal MT BUNGA LAUREL dinaiki lanun tanpa melibatkan sebarang kecederaan di pihak PPK ATM. Kejadian yang berlaku di perairan 'selamat' jelas menggambarkan ancaman lanun semakin berleluasa di PTA. Sehingga kini sebanyak 28 buah kapal dagang masih menjadi tawanan lanun walaupun usaha di peringkat antarabangsa terus dipergiat dalam menangannya.

Kejayaan BM 5 menggagalkan rampasan lanun ke atas kapal MT BUNGA LAUREL secara tidak langsung telah membuktikan bahawa penempatan sebuah kapal *auxiliary* dan PPK ATM untuk mengiringi kapal-kapal dagang milik MISC dan yang berkepentingan kepada negara telah membuahkan hasil serta kini menjadi perhatian masyarakat perkapalan antarabangsa. Insiden cubaan rampasan ini tidak terkecuali dan ianya menjadi perhatian khususnya di kalangan komuniti perkapalan antarabangsa terutamanya berkaitan tindakan-tindakan susulan yang bakal dilaksanakan ke atas lanun-lanun yang telah ditawan. Kini lanun-lanun tersebut akan berhadapan dengan tindakan undang-undang negara untuk dibicarakan. Kes ini juga merupakan kali pertama akan dibicarakan di Malaysia.



Latihan yang dilaksanakan di atas Kapal MISC Berlatar Belakangan BM5

OP FAJAR

KONSEP DAN PELAKSANAAN

Oleh: PR Markas Armada

LATAR BELAKANG PERAIRAN TELUK ADEN

Perairan Teluk Aden (PTA) merupakan sebuah perairan yang sibuk dan mempunyai kepentingan strategik sebagai laluan utama perdagangan dunia. Secara amnya sebanyak 20 ribu buah kapal setahun melalui perairan ini dan melibatkan muatan dagangan seberat 700 juta tan. Namun, ancaman pelanun di PTA telah menimbulkan situasi tidak selamat kepada kapal-kapal yang melalui perairan tersebut termasuk kapal-kapal milik syarikat perkapalan Malaysia. Lanun menggunakan bot kecil dengan disokong oleh kapal induk, bersenjata AK 47, *grenade launcher* dan berpengetahuan dalam peta laluan kapal antarabangsa. Mereka pantas bergerak pada waktu malam dalam mengejar kapal-kapal dagang dengan bot laju dan bot nelayan dan menggunakan galah aluminium untuk naik ke atas kapal serta gerombolan lanun ini mempunyai hirarki menyamai tentera marin dan terlatih.

Peristiwa penawanan kapal MISC iaitu MV BUNGA MELATI 2 dan MV BUNGA MELATI 5 pada 19 dan 29 Ogos 2008 telah memberi tamparan hebat kepada negara. Rentetan

peristiwa tersebut, TLDM telah diarah untuk memberi perlindungan keselamatan ke atas semua kapal yang mempunyai kepentingan kepada negara terutamanya kapal-kapal milik MISC semasa melalui PTA. Bagi memenuhi keperluan tersebut, TLDM telah melaksanakan Op FAJAR buat kali pertama pada 28 Ogos 2008 dengan dua buah kapal TLDM iaitu KD LEKIU dan KD SRI INDERAPURA telah ditugaskan untuk misi menyelamatkan kedua-dua buah kapal MISC. Kedua buah kapal MISC tersebut dibebaskan oleh lanun masing-masing pada 26 dan 28 September 2008. Walaupun kedua buah kapal berjaya dibebaskan tanpa pertumpahan darah, namun secara psikologi ia memberi impak yang negatif kepada keselamatan warga kapal dan kapal milik negara serta ekonomi.

EVOLUSI KONSEP PERTAHANAN

Pada peringkat awal penugasan operasi ini, ia hanya melibatkan kapal-kapal TLDM untuk tugas mengiringi dan melindungi kapal-kapal MISC di PTA. Oleh yang demikian, TLDM terpaksa menanggung kos pengoperasian yang tinggi bagi menampung keperluan logistik kepada penugasan di perairan yang berada jauh dari tanahair dengan penglibatan

anggota tetap TLDM termasuk PASKAL dan krew udara bagi satu tempoh yang lama dalam mencapai misi dan objektif operasi. Namun, satu penerapan baru dengan mengadaptasi konsep penggunaan kapal *Auxiliary* yang diguna pakai ketika Perang Dunia yang diberi nafas baru oleh TLDM dan MISC telah diimplementasikan. Perkongsian strategik diwujudkan antara TLDM dengan MISC iaitu sebuah kapal MISC diserapkan ke dalam inventori TLDM untuk melaksanakan operasi keselamatan tersebut. Penggunaan BM5 kapal *auxiliary* MISC yang ditransformasikan kepada kapal *auxiliary* TLDM sebagai platform untuk Pasukan Perlindungan Khas (PPK) melindungi kapal-kapal MISC memberi satu impak yang positif bagi mengatasi kekurangan aset-aset TLDM.

KONSEP OPERASI

Konsep operasi bagi Op FAJAR yang dilaksana dibahagikan kepada tiga konsep yang berlainan merangkumi:

1. **Op FAJAR 2008.**
 - a. Tumpuan operasi kepada menyelamatkan kapal dan anak-anak kapal, memberi kawalan keselamatan kepada para

ISU MARITIM

perunding dan memberi bantuan MEDEVAC/CASEVAC secara tidak mempamerkan kehadiran unsur-unsur ATM kepada lanun.

b. Pengambilalihan kawalan selepas bayaran wang tebusan untuk mengiringi MV BUNGA MELATI 2 keluar dari kawasan bahaya.

2. Op FAJAR 2/2008 hingga 4/2009.

a. Tumpuan operasi kepada pengiring dan menjaga keselamatan kapal-kapal dagang MISC dan kapal-kapal yang membawa barang dagangan penting Malaysia bila mana diperlukan yang melalui PTA sehingga keluar dari zon berbahaya secara tidak langsung mempamerkan kehadiran unsur-unsur ATM kepada lanun.

b. Penugasan ini dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan mulai 1 Disember 2008 hingga 28 Februari 2009 dan sebarang kemungkinan perlu diambil kira berdasarkan perkiraan keadaan dan perkembangan semasa di perairan tersebut.

3. Op FAJAR 5/2009 hingga sekarang.

Tumpuan operasi adalah mengiring serta memberi perlindungan keselamatan kapal-kapal dagang MISC dan kapal-kapal yang membawa barang dagangan penting Malaysia sekiranya diperlukan apabila melalui PTA sehingga keluar dari zon berbahaya. Secara tidak langsung mempamerkan kehadiran (show of presence) unsur-unsur ATM di PTA.

KEJAYAAN OP FAJAR

Berdasarkan konsep operasi yang telah digariskan, Op FAJAR dapat dilaksanakan dengan jaya tanpa sebarang kecacatan yang dapat disamakan dengan istilah *zero defect*. Konsep yang diterapkan dengan membuat pertemuan dengan kapal-kapal MISC di titik pertemuan yang telah ditetapkan seterusnya mengiringi sehingga ke titik pertemuan untuk melepaskannya telah menjamin keselamatan setiap kapal-kapal yang diiring. Selain itu, menempatkan tim PPK (Pasukan Perlindungan Kapal) di setiap kapal yang diiringi menyebabkan krew kapal-kapal MISC berasa selamat dan dapat menaikkan moral serta mengurangkan risiko serangan oleh lanun. Tim PPK juga dapat

memastikan tindakan serta merta diambil sekiranya kapal yang diiringi diserang atau terdapat ancaman lanun terhadap kapal-kapal MISC dengan bantuan pengawasan udara oleh helikopter TLDM.

Sepanjang pelaksanaan operasi, sebanyak 10 penugasan Op FAJAR termasuk dua siri Op FAJAR Khas telah dilaksanakan dengan jayanya. Op FAJAR Khas merupakan tugas melindungi kapal dengan menempatkan PPK di kapal-kapal MISC sepanjang ketiadaan BM5 di PTA. Bermula Op FAJAR 2008 sehingga akhir tahun 2010, sebanyak 144 konvoi dan 214 buah kapal MISC telah berjaya diiringi. Jumlah ini merupakan rangkaian operasi yang melibatkan kapal-kapal TLDM, anggota PASKAL di dalam Op FAJAR



Latihan yang dilaksanakan di atas kapal milik MISC



Kapal TLDM melaksanakan operasi mengiringi kapal milik MISC



Khas dan penugasan BM5. Sebelum penugasan BM5 dilaksanakan, TLDM telah menghantar 5 buah kapal TLDM ke PTA yang merangkumi 296 hari penugasan dan seramai 36 orang PASKAL untuk Op FAJAR Khas yang merangkumi 75 hari penugasan. Kejayaan terbesar bagi Op FAJAR adalah kejayaan merampas semula MV BUNGA LAUREL daripada tawanan lanun pada 20 Januari 2011. Kejayaan ini telah menaikkan martabat ATM amnya dan TLDM khususnya dalam menangani isu pelanunan di PTA. Kejayaan ini juga telah membuka mata dan persepsi antarabangsa pelaksanaan ATM dalam mengendalikan isu pelanunan yang tiada penghujungnya.

Dari perspektif HANRUH, warga gabungan anggota tetap ATM

dan PSSTLDM telah mempamerkan kesungguhan moral, komitmen dan kredibiliti individu serta semangat pasukan yang tinggi bagi menjayakan operasi ini secara berterusan. Konsep HANRUH telah membuktikan keupayaannya untuk menyemarakkan semangat kesetiaan di mana isu perkauman, pendirian dan agama tidak membataskan untuk mencapai misi yang ditetapkan. Semangat ini tidak dapat dilihat seandainya TLDM masih lagi menghantar kapal-kapal TLDM yang dioperasikan oleh anggota tetap sahaja. Namun, pelaksanaan secara taktikal akan menjadi lebih mudah kerana anggota tetap ATM telah diberi pendedahan dan latihan yang mencukupi sebelum melaksanakan sesuatu tugas ataupun latihan

PENUTUP

Op FAJAR yang dilaksanakan telah membuktikan kredibiliti TLDM dalam menjayakan sesuatu operasi dengan cemerlang dan membanggakan. Pengorbanan dan komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat. Dengan pembabitn BM5 dalam Op FAJAR ini menunjukkan bahawa anggota tetap ATM dan PSSTLDM memberikan satu semangat kerjasama yang tinggi dalam merealisasikan kehendak perkhidmatan bagi memastikan kepentingan negara selamat.




Helikopter Fenec yang ditempatkan di atas BM5

CHINA'S SEA POWER IN THE 21ST CENTURY: IMPLICATION TO SOUTH CHINA SEA SECURITY AND STABILITY

Choppy waters

The main hardware deployed in the exercises



KongJing 2000

Airborne warning and control system. Carries out patrol missions at altitude of up to 10,000 metres



Location of exercises

Kilo class submarine

Russian-made submarine mainly intended for anti-ship and anti-submarine operations in relatively shallow waters

Sovremenny class destroyer

Russian-built destroyer designed to attack enemy warships while also providing sea and air defence for warships and transports under escort

By: Lt Cdr Mohd Adzam bin Omar RMN

Introduction

The security environment of the South China Sea, within which the People Liberation Army Navy (PLAN) operates, has changed substantially in the last decade. Owing to the complex security challenges faced by PLAN in the 21st century, its size, shape and roles have also undergone a gradual change in order to adapt to the contemporary environment. China's emergence as an economic giant coupled with its booming economy has enabled it to modernize PLAN. How will this implicate the South China Sea security and stability and areas neighbouring it? Will China use its sea power to seek regional hegemony and thus secure all its claims and national interests? These are the key questions that have been contested since the end of 20th century and in the early 21st century.

World knows that China and other nations in the Southeast Asia, have strategic interests in stretch of economy, political and military in South China Sea. One means for China to secure and pursue its strategic interests is through its sea power. Sam Tangredi has highlighted that the term 'sea power' is not exclusively synonymous with 'naval warfare', but a much broader concept that entails at least four elements: the control of

international trade and commerce, the usage and control of ocean resources, the operations of navies in war, and the use of navies and economic power as an instrument of diplomacy, deterrence, and political influence in time of peace. Navies are the obvious armed element of sea power. However, shipping, seaports operations, undersea resources such as oil, fisheries, and other forms of commerce activities too can be regarded as integral to a nation's sea power.

The aim of this article is to examine the China's sea power in the 21st century and to assess its implications for South China Sea security and stability. The article seeks to address several research questions about China's sea power development and capabilities, its strategic policies and interest in South China Sea, and to consider whether this will be a potential threat in the future. Given the limitation of this essay, it will be structured in three parts. The first part of this essay will discuss about China's strategic interest in the South China Sea and why China needs sea power. The second part will introduce PLAN briefly from a historical perspective until 21st century and explore a historical lesson and evolution to the present day's context. The third part will discuss sea power and its implication

to the South China Sea from the perspective of ASEAN, the US, Japan, and India. The article will conclude that China's sea power in the 21st century is not a threat to the ASEAN, other countries in the Southeast Asia and to the other existing powers in the South China Sea. China's policy concerning its sea power is meant to enhance its security territorial integrity, and to protect its national interests.

China's Strategic Interest in the South China Sea

A study has shown "approximately three-quarter of annual world oil and natural gas trade transits the South China Sea...and handles an annual oil flow three times that of the Suez Canal and 15 times that of the Panama Canal." In essence, it shares common interest of geopolitical stability in which any security issues could lead to future conflict. Mahan identified six characteristics as principal conditions affecting the sea power of nations: geographic position, physical conformation (including natural resource and climate), extent of territory, population, character of the people, and character of the government. The above mentioned conditions are all pertinent to China.

According to classical realism

of international relations theory, the most important element in determining state power is the distribution of military and economic. The South China Sea's environment gives significant and direct impacts to China, especially in terms of resources such as energy, food and the import-export activities, which are vital for their prosperity. Therefore, taken into account from Mahan's perspective about interaction between naval power and commerce in determining command and control at sea, China is in line of this idea. China too, has grown economically since adopting the Open Door policy in the 1990s and by joining the World Trade Centre (WTO) where it encouraged private foreign investment in China.

'The South China Sea represents a strategic waterway of global significance, providing the key maritime link between the Indian and Pacific Oceans'. For that reason, on different view, South China Sea is important to China because today is the world of globalization. Globalization is defined as worldwide networks of interdependence and has been going on for centuries. There was a saying that conflict in the twenty-first century involves both 'gun and butter', and Mao Zedong once said that power grows out of the barrel of a gun, but the power can also grow out of a barrel of oil. In the same way, in terms of overall strategic significance, the South China Sea could become, as some have said, a "second Persian Gulf".

Nicholas Spykman, the 20th century scholar of geopolitics noted that throughout history, states have engaged in "circumferential and transmarine expansion" to gain control of adjacent seas, in which: "Greece sought control over Aegean, Rome over the Mediterranean, the United States over the Caribbean and now China over the South China Sea". In view of political dimension, China is likely perceived to use its sea power to coerce and to exert national policy towards Spratlys contenders. The Spratlys issue could be widely seen as a potential regional flash point, especially when the matter is listed among the top of China's interests. The issue of maritime in the Spratlys is highly complex, involving six claimants: China, Taiwan, and four members of the ASEAN namely Malaysia, Vietnam, Philippines and Brunei. China had already shown its aggression when in it took over control of the entire Paracels islands from Vietnam in 1974, which led to China's occupation of seven islands in the Spratlys. It presented straight evidence of China's willingness to use force as an instrument of exerting foreign policy in the South China Sea. Why has China been so hesitant

in solving the maritime disputes in South China Sea? Perhaps, it thus remains important that China actually sees an advantage in keeping up maritime dispute in the South China Sea because 'it provides ways for China to send 'signals' to other states in the region when they are deemed to be acting in opposition to China's interest'.

China's sea power has been likely to spur the development of ASEAN's sea power too, but in limited ways and size. Maritime activities such as trade and exploitation of sea resources have been traditionally important to ASEAN nations. Their naval capabilities to exert sea control and protection of its trade links have increasingly become a great deal for ensuring security and stability. The modernization and expansion of these smaller countries' navies are needed in order to safeguard maritime boundaries, territorial claims, and the EEZ. In actual effect, the boundaries claims have been the prime concern at SEA nations particularly as the results at post UNCLOS 1982 where states maximise its unilateral position.

Historical Lessons, Evolution and Today's Context

China has long been a maritime nation, and once had become a sea power nation since the dynasties' era. The sea provided the earliest trading routes with southern and western Asia thus had rapidly expanded China's economy sectors in commerce, fisheries and transportation. However, China has a humiliating history due to its weakness in maritime defence and was invaded seven times by foreign forces from the sea. Lessons from the wars, predominantly from the Korean War 1950-53 have made the Chinese leader 'painfully aware of the need to modernize the armed forces with the most up-to-date weaponry and combat skills'. Because of what could be claimed as the absence or the incapable Chinese naval force, the allied command of the sea was complete, having full freedom of manoeuvre and control against the Chinese forces. The lessons learned by them could be associated with one of a Chinese saying: Jian Wang Zhi Lai – "know the future in the mirror of the past.

In the 1980s, the PLAN began to recognize future international conflict would be of a limited nature with threats to the Chinese periphery rather than the heartland, where in 1985 it began to shift from coastal defence to offshore defence. China assessed that future conflicts would be dependent on high technology weapons, electronic warfare, cyber warfare and the capability of not just defending, but also power projection. Both Jiang Zemin and

Hu Jintao, were responsible for shifting and maintaining priorities and its naval growth. President Hu Jintao too, paid special attention to the PLAN by stating: "The navy is a strategic, comprehensive, and international service. It holds an important position and role in safeguarding...national maritime interests".

The factors that interact to influence the formulation of China's foreign policy are many and complex, and among the major determinants of China's leadership are tradition, ideology, and perception of China's capabilities. Traditionally, China believes itself as the centre of the world: the hub of civilisation, in ideology – its interpretation of international politics is through Marxism-Leninism and in capabilities – it has the world's largest military forces and population. China has underlined four goals in its foreign policy, which mainly directed to the preservation of China's territorial integrity and territories considered to be part of the PRC. However, according to 2009 US Department of Defence report to congress document, China is now assessed as adopting a new doctrinal policy which emphasis on 'far sea defence', beyond the traditional 200 nautical miles exclusive economic zone.

Colin Gray in the Leverage of Sea Power, views in modern times, sea power has enabled war to be won and great sea power requires a strong navy. Furthermore, Sam Tangredi also pointed out about the relation of the navy and sea power in which "the importance of a navy rests on twin pillars: its ability to affect events in land and its ability to control use of the sea". Evidently, China's ability to exercise sea power is important and its modernization represents, in a concentrated form, a continuation of global transformation of modern warfare. China's strategy from "near-sea active defence" to "far-seas operations" has encouraged them in attainment of various capabilities. These include indigenous construction, foreign purchase, reverse engineering and capability of constructing modern destroyers and frigates. Even so, how could China afford its massive modernization? Owing to its mammoth economic growth, China's military spending in the year 1995-2004 was over 11% and in 2009 alone, this spending has increased to 14.9%, which was approximately 70.2 billion dollars.

Follow on to modernisation and its policy to operate in "far sea operation", China needs to project its PLAN. According to Geoffrey Till, maritime power projection involves the use of sea-borne military forces directly to influence events on land, and for Corbett, it is the ultimate



justification for having navies. PLAN requires versatile maritime expeditionary forces - able to project power across the globe in support of China's interest in the South China Sea and delivering effect. However, China's contemporary military build-up and power projection capabilities beyond its sea borders remain limited due to a lack of amphibious ships, heavy cargo carrying aircraft and other logistical shortcomings. Because their forces have to travel at greater distance to the South China Sea or beyond and to back up its claims with the use of force, China needs expeditionary warfare capabilities. It must have to be capable of projecting power to a distance of at least fifteen hundred nautical miles from China's coast and beyond, including the Yellow, East China and South China Seas.

It is becoming more evident now that great sea power in all extent provides an effective medium for seeking hegemony or to balance other powers. What seems to be feared of is that the so-called unmanageable supremacy may re-ignite the protracted issues in the South China Sea. Alfred Thayer Mahan whom coined the term 'sea power' at the end of the 19th century had stated that, "only whose navies could 'command' the sea, that is, employ it for their own military and commercial purposes, while denying such use to others - were destined to dominate those who could not". In 2010, China is still assessed as not so self confident, having an insecure sea power, it thinks more about the ocean territorially. China needs experience in order to operate beyond its territory. For that, PLAN has participated in its first sustained naval operations in seas far away from China's shores by deploying its task group in counter-piracy operation in the Gulf of Aden. Even though China's action is considered manifold, but rather practically, it gives PLAN the experience in operating in another theatre, which provides an excellent opportunity to develop its expeditionary command. China's recent efforts in the Gulf of Aden also reflect a constructive use of sea power in line with its international responsibilities and moreover, to protect 400,000 Chinese merchant mariners too.

Unfortunate events turned out when China was seemed to exert authority and control of the South China Sea militarily especially against the US. It had denied access to US warships in October 2006 when a Chinese submarine stalked the USS KITTY HAWK and surfaced within a torpedo's firing range of it. Recently, in the March 2009, handful of China's navy ships harassed the US surveillance ship: USNS IMPECCABLE by blocking its way and pretending to ram it. China is pursuing its sea

power not only by just denying access but through legal warfare too. China's legal warfare is a resourceful anti-access or sea denial strategy where it seeks to eviscerate the ability of a maritime power to exercise command of the sea. Sea denial strategy will also work well in contributing directly towards the sea control. Securing home access or interest from the potential threat is important before projecting power outward. The objective is to create a strategic depth by denying access of its EEZ.

Moreover, the PLAN strategy, which was set forth in a recent Chinese defence white paper, is directed at the gradual extension of strategic depth for offshore defensive operations, and for enhancing its sea power capabilities in integrated maritime operations. China has recognised the 1982 Law of the Sea Convention, whilst the US has not. China strongly believed USNS IMPECCABLE was conducting intelligence gathering inside its EEZ in the South China Sea. Therefore, China considers that international law only allows innocent passage for military vessels (in the EEZ), not activities that could be considered to have a military purpose. This demonstrated how legal perspective was used in order to pursue control of the sea legally and added to the complexity of this situation.

The Implication of China's Sea Power to the South China Sea

The immediate challenge for China is how to harmonize its national interests with ASEAN and the larger South China Sea community. China has also been shifting its policy towards regional security institutions and its desire to use institutions to provide reassurance, especially its relations with ASEAN. However, some ASEAN countries are being extra cautious with China's approach with regard to a vague impression of China's soft power and hard power game. Positively, so far China has demonstrated its willingness to participate and engaged in international institutions. China is considered active in engaging at a regional level such as Pacific Economic Cooperation Council (PECC), Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC), ASEAN Regional Forum (ARF), and the Council for Security Cooperation in Asia Pacific (CSAP). ARF is regarded as the centre piece of ASEAN's collective diplomacy towards China in a broad security-oriented dialogue and could be regarded as the only pan-regional East Asian forum to begin resolving the disputes with China.

China's sea power and influence in the South China Sea too have raised a concern among other global players in the region such as

the US, Japan and India. The US is still regarded as a regional security guarantor, and for nearly 60 years, its bilateral security system in the region has adapted effectively to dynamic changes in the region. With the end of the Cold War in 1989 and the disintegrated of the Soviet Union, Russian can be analysed as no longer posing a significant threat to the US but then there is China, in which it's economic and military power in the 21st century prone to be the only potential rival to the US.

According to realist, the rise of China is occurring at the expense of the US influence. The most dangerous scenario the US might face in the early 21st century is one in which China becomes a potential hegemony in Asia. However, the China's leadership is not inclined to challenge the US militarily, and its focus remains on economic development and therefore, conflict is not inevitable or even likely. As part of US Asia-Pacific interest, the US security politics is ranks amongst the most important requirements for the Obama's new administration. This can be seen when Secretary of State, Hillary Clinton's chose Asia as her first trip overseas and 'sent a clear reassurance that the region remains a core aspect of the United States' strategic agenda and expressed support for the regional leadership role of the ASEAN in maintaining strong relations with the US.

The Obama administration has advanced its application of 'smart power' by drawing diplomatic, political, economic, military, legal and cultural tools to its foreign policy. It is regarded as a practical approach by the US but the US 'smart power' does not mean that its military option is discounted in order to pursue its interests when deemed necessary. In this 'Asian century', the US should pursue Sino-American coordination on future regional security architecture building, and the US could play more roles by extending both 'smart power' and maintaining sufficient strategic capabilities and continue to provide assurance that has allowed the US to be a valued contributor to regional stability. Leadership from both sides is to continue facilitating openness in all aspects by fostering stability in regional balance of power, especially within Southeast Asia. From a legal perspective, the US too, needs to respect China's law. As mentioned, China ratified the UNCLOS 1982, whereas the US does not. Therefore, China claimed its right to defend its EEZ and any action against the US in the future might bring the two major powers to conflict.

Japan is another major user of the



South China Sea and is the one extra regional power that so far has made significant contributions to the development of maritime security in Southeast Asia. However, Japan's relationship with China is very complex in nature. The Chinese and the Japanese are still having a dispute in the East China Sea relating to the sovereignty of the Senkaku Island (Diaoyu Islands in Chinese) over the border of the EEZ among them. Japan is confronted with China's rising power since China is transforming its economic power into political and military power. Even though Japan is considered having a well-built navy, its influence in terms of sea power is more toward protecting its trade in the region. On the other hand, Japan's sea power could be measured as physically powerful but the Japan Maritime Self Defence Force (JMSDF) is still bounded by the Article 9. It is meant solely for self defence whereby Japan's military use of war or projection is denied. This constraint, however, removes the lever of its national power. Despite its great interest in exerting influence in the South China Sea and region surround it, many would argue that Japan will not have its freedom of action in terms of exerting sea power to coerce or influence. Japan is overtly overshadowed by the US as its main ally and the US has agreed to continue its support to Japan in the region, thus confirmed the US status as security guarantor.

Another power that is prone to have major interest in the South China Sea is India. If China is regarded as to balance the US, could it be possible to regard India as a balance to China? India, in particular, worried over a potential Chinese naval presence in the Bay of Bengal and Indian Ocean. India is perceived as the country that will resist China's influence and will play a "great game". In the race to gain access to energy sources in Africa, Latin America, and Central Asia as well as in the Middle East, China is not only competing with the United States and Japan, but also with India, the other rapid and large developing nation. India's strategic location in the Indian Ocean and its growing economic integration with Asia Pacific has made it an attractive partner for ASEAN nations and has become a central component of its "Look East" policy. India's deep interest in the South East Asia region and its more neutral relationship with ASEAN countries, has indirectly led India to the region. However, it is assessed that though China and India are so-called rivals in the regional hegemony, it is unlikely that in near future the two rising power countries will end up in conflict. Economically, China and India are strong trade partners as can be seen from their export and imports statistic

produced by the IMF.

China has to recognise that its emerging superpower status entails huge responsibilities. The stability of the South China Sea is rather important than its claims. Despite China's impressive defence modernisation, China's official reiterated that Chinese military power will not pose a threat to the rest of the world but rather to be used for safeguarding its sovereignty and territorial integrity. On the contrary, many nations in the South China Sea region, expressed their concern that China has not been transparent on its intent. Because of China's unclear intention in terms of its naval expansion, which is pressing south in the South China Sea, some ASEAN countries are drawn closer to the US as a response. China, too, be obliged to aware that if the continuing growing concerns among neighbours posed an imminent threat, the US definitely will step in. Nevertheless, for the immediate future, China is likely to continue to maintain its policy regarding the expansion and modernization of its fleet, and is assessed in doing so in none threaten approach.

Conclusion

China's sea power in the 21st century can be summarised as China's ongoing transformational process in building a more versatile PLAN capable of undertake more global and challenging roles, especially in safeguarding its interest both economically and militarily. In doing so, China today aims to deploy a modern navy, capable of operating and projecting its power and to operate on every dimension of warfare environment. China's sea power in the 21st century is not a threat to the ASEAN and others in this region. China's policy concerning its sea power is meant to enhance its security and territorial integrity, to protect its national interests. In achieving these, China will remain firm in defending its policy and at the same time would maintain a favourable security and stability situation in the South China Sea.

It appears that many of Southeast Asian countries are quite vigilant about China's true intention as many of its policy and actions are still not transparent. Instead, ASEAN too, is keen on maintaining good economy and political relations with China due to globalization and the world of interdependence. Moreover, China will not want to spoil the prosperous condition that enjoyed by many in this region by taking any unnecessary offensive actions in pursuing and securing its claims and interests. Successful security and stability in the South China Sea demands a cross-governmental and a transparent approach. As a result,

China needs to play more promising roles, which aim to engender and enhance collaborative cooperation. China has to maintain its 'peaceful rise' and 'good neighbourhood' policy, and avoid pursuing any issues that can raise tension in the South China Sea. To be seen as more active and responsible power, China too, has to permanently engage in the ASEAN+3 or ARF framework by encouraging regional cooperation among ASEAN or any other powers. To achieve this, China should continue to underwrite its bilateral security commitments, and be more cognisant of the region's multilateral approach.

China's rise has created more opportunities than threats and these offer a favourable condition where win-win situation may be achievable. The US is assessed as wanting China to play more positive and promising roles with its capabilities in the South China Sea. Provided that China is not seeking hegemony or to rival the US, both powers could work jointly to foster better understanding of each other's intention. Further to this, China needs to be more transparent because China's "establishing a new international political and economic order", "promoting world peace and common development", "accelerating multipolarization" and "opposing hegemonism" and "power politics" policies remain in abstractions. The US, being the world super power, could also promote greater interaction and collaboration between China and ASEAN to stimulate a positive and more coherent relationship and this can be pursued by encouraging trust, openness, transparency and communications.

Until now in this early 21st century, it is assessed that interdependence and practical considerations will most likely be China's policy on sea power. Its strategy and approach have varied according to its perceptions to international situation and response. China's sea power will not currently supersede or rival the US technologically, and neither it will be in the near future. As China's Premier Wen Jiabao stated, "China will continue to work with every country through...negotiations and co-operation to fulfil our mission of maintaining peace and stability in the region". Crucially, the need to maintain security and stability in South China Sea will remain an enduring requirement in the region. All parties need to integrate and enhance their existing frameworks to ensure that regional cooperation is maintained and achieved, thus providing a permanent stable situation and prosperous region.

NOTE : The article is a shorter version from author's original thesis for Joint Services Command and Staff Course UK.



Penyampaian Sijil Pelayaran kepada Pelatih UPNM oleh PM KDSI I

KD SULTAN IDRIS I MERINTIS KEJAYAAN

Oleh : Lt Mohd Fadir TLDM

Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Begitulah ungkapan sinonim dalam istilah kamus kehidupan setiap insan. Setiap perkara yang dilakukan memerlukan perancangan dan keazaman bagi memastikan ia mencapai objektif ditetapkan. KD SULTAN IDRIS (KDSI) I merupakan tempat lahirnya Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang bersedia menyahut slogan ' SEDIA BERKORBAN'.

Bersandarkan nilai-nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Kebanggaan dan Keberanian, pihak Kolej telah berusaha memastikan setiap aktiviti yang dirancang dapat menyumbang ke arah peningkatan nilai sahsiah kepegawaian individu.

Pelbagai aktiviti kokurikulum telah dirancang bagi melengkapi aktiviti pelatih secara berperingkat, hanya bermatlamat agar setiap pelatih yang bakal ditauliahkan dilengkapi kemahiran dan kecekapan sesuai ciri-ciri kepegawaian TLDM. Dalam

merealisasikan matlamat tersebut, pelatih dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) tahun Tiga Cawangan Pelaut telah dirancang untuk mengikuti latihan *boating* yang dikendalikan Fasilitas Marin, KD PELANDOK (KDP). Seramai 47 pelatih terlibat dalam latihan tersebut yang mengambil masa selama sebulan. Sepanjang latihan, pelatih didedahkan dengan pengetahuan asas mengendalikan bot jenis *laser* secara teori dan praktikal. Di peringkat akhir latihan, pelatih diuji untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran mereka. Ketua Jurulatih Fasilitas Marin, PW 1 PBS(I) Abu Bakar bin Muhaidin berkata, "kesungguhan dan komitmen yang dipamerkan oleh para pelatih amat membanggakan".

Ternyata kata-kata itu bukanlah cakap kosong apabila kesemua 47 pelatih yang mengikuti ujian teori dan praktikal telah lulus ujian dan berjaya mendapatkan tiket pelayaran. Buat Persatuan Layar TLDM, ianya merupakan sejarah pencapaian persatuan yang julung kali melatih peserta yang paling ramai dan lulus serentak dalam tempoh sebulan. Dalam ucapan Pegawai Memerintah KDSI I, ketika merasmikan Majlis Penutup Kursus dan Penyampaian Sijil, beliau telah melahirkan rasa terharu dan

bangga atas usaha serta komitmen tinggi yang dipamerkan oleh para pelatih sehingga lulus dalam ujian yang dilaksanakan. Beliau berharap agar pelatih terus bergiat aktif sehingga terpilih ke peringkat antarabangsa.

Bukan itu sahaja, inisiatif pihak Kolej diteruskan dengan Klinik Golf bagi peserta Kursus Kelayakan Pegawai Eksekutif Pengambilan Ke-58 dan Bekalan Pengambilan Ke-11. Inisiatif tersebut telah diilhamkan oleh Kept Mohd Hatim Saad TLDM dalam usaha memperkenalkan sukan golf di kalangan pegawai muda. Seramai 30 pegawai muda telah mengikuti klinik tersebut yang berlangsung selama lima minggu di Driving Range Lumut bermula 5 Oktober hingga 3 November 2010. Para peserta telah didedahkan dengan teori dan praktikal dalam sukan tersebut. Peserta diajar teknik yang betul dan gaya berkesan semasa melakukan pukulan. Pada 8 November 2010 kesemua peserta yang telah lulus ujian teori dan praktikal diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil bertempat di Wisma Kadet yang disempurnakan oleh Kept Mohd Hatim TLDM dan turut dihadiri En Wan Kamaruzaman Wan Chik selaku Jurulatih Klinik. Dalam majlis tersebut, Kept Mohd Hatim TLDM melahirkan rasa bangga dan menyatakan hasratnya untuk menubuhkan komuniti golf KDSI I terdiri daripada para pelatih dan pegawai staf yang berkhidmat di situ. Hasrat itu turut disambut baik oleh Ketua Fakulti Asas yang ingin menjadikan sukan golf satu aktiviti riadah buat setiap Pegawai Dalam Latihan (PDL).

Dalam membentuk ciri-ciri kepegawaian yang unggul, kecergasan, kecekapan dan disiplin merupakan perkara yang mesti ditekankan. Sehubungan itu, pelatih juga didedahkan dengan seni mempertahankan diri iaitu Taekwondo yang dipertanggungjawabkan terus kepada jurulatih Tempur Tanpa Senjata (TTS) TLDM yang berpengalaman bagi melatih dan menguji setiap pelatih yang mengikuti kelas tersebut. Pihak kolej berjaya melahirkan pelatih yang mampu mencapai tahap tali pinggang biru pada 13 November 2010 manakala tali pinggang hitam dijangka akan diperolehi pada April 2011 mengikut jadual latihan yang ditetapkan. Seramai 29 pelatih terdiri daripada peserta Kursus



Latihan Praktikal Pengemudian Bot Layar



Penerangan Peraturan dan Etika Golf oleh Jurulatih



Latihan Putting di Kelab Golf Samudera



Perlawanan Bola Keranjang antara KDSI I dengan KTD



Pembukaan Sukan Tiga Penjur 2010 di UUM, Sintok, Kedah



Pelatih KDSI I Menamatkan Larian Maralhon di tempat Pertama

Kelayakan Pegawai Cawangan Pelaut Pengambilan Ke-58 dan Bekalan Pengambilan Ke-11 terlibat dalam program tersebut. Para peserta diwajibkan lulus 'grading' pada setiap peringkat tali pinggang bagi membuktikan tahap kemahiran mereka.

Kolej juga mempersiapkan pasukan yang bertanding dalam Sukan Tiga Penjur. Melalui aktiviti itu, tahap kecergasan para pelatih dan staf kolej sentiasa di tahap tinggi. Ini terbukti apabila Kolej sekali lagi dinobatkan sebagai johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Tiga Penjur yang melibatkan ketiga kolej iaitu Kolej Tentera Darat, KDSI I dan Kolej Tentera Udara yang berlangsung pada 16,17, dan 18 Julai 2010. Kejohanan yang dianjurkan oleh Kolej Tentera Udara ini telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok. Pasukan Kolej telah berjaya memungut 12 mata bagi PDL dan enam mata bagi Staf Kolej. Kejayaan tersebut telah menobatkan Kolej selaku juara keseluruhan kejohanan sekaligus mengulangi pencapaian yang diraih pada 2008. Kemenangan tersebut juga merupakan satu lakaran sejarah dalam Kejohanan Sukan Tiga Penjur apabila buat pertama kalinya pasukan pelawat menjadi juara.

Ketika unit TLDM lain sibuk untuk memperolehi persijilan 5S dan ISO 9001:2008, unit ini juga tidak terkecuali untuk mendapatkannya. Warga Kolej memainkan peranan utama dalam menentukan KDSI I sebagai sebuah kolej yang sentiasa mengamalkan persekitaran yang bersih, tersusun dan bersistematik.

Warga Kolej telah berusaha tanpa mengenal erfi putus asa dalam meningkatkan dan mengekalkan kebersihan, keselamatan dan kekemasan persekitaran kolej. Pada 26 Oktober 2010, kolej telah menjalani Audit Persijilan 5S oleh wakil Malaysia Productivity Corporation (MPC). Dalam audit tersebut pihak MPC berpuas hati dengan pencapaian dan persediaan kolej seiring dengan dasar terkandung dalam Amalan Persekitaran Berkualiti. Dengan persijilan tersebut, kolej telah melangkah setapak lagi dalam usaha memartabatkan nama baik serta identiti kolej yang lebih bersistematik dalam sistem pengurusan.

Usaha tersebut diteruskan lagi dengan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 yang diadakan pada 3 dan 4 November 2010. Dalam audit tersebut, Kolej telah lulus dan dikekalkan persijilan.

"Pencapaian Kolej yang membanggakan ini adalah berkat usaha gigih dan kerjasama setiap warga" ujar Kept Mohd Hatim TLDM.

PEMBANGUNAN KAPAL LATIHAN TLDM

Oleh: Kdr Yusman bin Ostadi TLDM

Pelbagai isu keselamatan maritim dan kedaulatan perairan negara yang melibatkan hubungan dengan negara jiran pada masa ini telah meningkatkan keperluan kapal-kapal TLDM untuk beroperasi. Akibat daripada penugasan khusus itu menyebabkan TLDM kekurangan platform untuk latihan komprehensif kepada pegawai dan anggota di mana latihan itu tidak mencapai tahap kemahiran asas yang diperlukan untuk menjalankan tugas yang diamanahkan. Menyedari kemungkinan masalah berterusan di dalam melahirkan pegawai dan anggota yang terlatih dalam evolusi serta peperangan maritim, kerajaan telah bersetuju dengan permintaan TLDM untuk memiliki dua buah kapal latihan yang dikenali sebagai Kapal Latihan TLDM yang akan dibina dalam Negara.

KONSEP REKABENTUK

Konsep latihan yang perlu dicapai oleh kapal latihan ini apabila beroperasi kelak adalah mewujudkan suasana latihan pengoperasian kapal perang yang hampir benar (*training realism*) dengan mengadaptasikan kapal latihan ketenteraan sebagai asas pelantar latihan. Ia juga merangkumi latihan evolusi pengoperasian stesen tugas sehingga evolusi pengendalian kapal. Seterusnya adalah untuk mengimplementasikan konsep Latihan dan Penilaian Berasaskan Keterampilan (LPBK) atau *Competency Based Training and Assessment (CBTA)* dengan kelengkapan latihan praktikal yang tepat. Kapal latihan ini juga akan menitikberatkan latihan kepada pendedahan, pembinaan, pembelajaran budaya dan tugas tentera laut serta tradisi TLDM.

Konsep kapal latihan yang akan dibina ini adalah khusus sebagai kapal yang berupaya untuk melakukan penugasan yang lain bersesuaian dengan rekabentuknya. Ini memastikan keperluan jangka panjang dalam aspek latihan di laut terjamin dengan pelantar yang berkemampuan untuk peranan sampingan.

Bagi mencapai *Return of Investment (ROI)* yang maksimum, kapal yang akan dibina ini dapat dimanfaatkan untuk melaksanakan tugas sampingan semasa atau di luar latihan seperti rondaan maritim, kapal pengiring, mencari dan menyelamatkan serta pelantar pemerintahan dan kawalan semasa darurat. Pembinaannya juga perlu mengambilkira kebolehan dikonfigurasikan untuk perang.

Konsep kapal latihan yang dirancang merupakan rekabentuk kombat yang bertujuan

mewujudkan stesen tugas mirip kapal kombat. Pembinaan kapal mengikut piawai komersial juga diambilkira untuk pengurangan kos dan berupaya melaksanakan tugas semasa darurat dan perang.

Di samping itu, konsep keanggotaan yang optimum diterapkan dengan memanfaatkan penggunaan pegawai dan laskar dalam latihan seperti pengendali asas peralatan. Ini juga dapat menanamkan *sense of ownership* dan menerap budaya operator/*maintainer* kepada pelatih sesuai dengan latihan sambil kerja.

KEMUDAHAN LATIHAN

Objektif perolehan ini adalah untuk memenuhi keperluan latihan seramai 1400 pelatih setahun yang terdiri daripada golongan pegawai dan anggota TLDM dalam suasana bermiripan kapal operasi ketika aman dan mampu melaksanakan tugas operasi jika diperlukan. Selain itu, matlamat perolehan kapal ini adalah untuk memenuhi pelbagai keperluan di laut dalam meningkatkan tahap kemahiran pegawai dan anggota dalam latihan bagi angkatan tetap dan simpanan.

Bagi merealisasikan objektif ini, kapal latihan ini akan dilengkapi dengan kemudahan untuk semua bidang kerjaya dalam TLDM. Konfigurasi kemudahan latihan yang akan diwujudkan adalah seperti anjungan berserta bilik carta latihan, bilik kuliah/taklimat lengkap kemudahan multimedia, pusat maklumat peperangan, sistem kombat yang ringkas serta mempunyai mod simulasi, meriam kaliber kecil dan serdahana, RAS dan dek helicopter. Bagi tujuan sosial pula, penginapan dan kemudahan untuk pegawai dan anggota wanita disediakan berasingan.

KEUPAYAAN REKA BENTUK

Kapal Latihan TLDM yang akan dibina adalah berukuran sepanjang 75.9 meter dan lebar 11 meter dengan berat maksimum 1220 tan. Kapal latihan ini mempunyai tujuh geladak dengan tinggi keseluruhan 49.45 meter. Reka bentuk kapal adalah mirip kapal kombat terkini milik TLDM yang sedia ada dengan memiliki keupayaan mendaratkan sebuah Helikopter (Medium). Kelajuan maksimum mampu mencecah 20 knot dan mampu belayar sejauh 2500 batu nautika. Di samping itu, kapal ini berupaya belayar selama 21 hari di laut dengan ruang bekalan makanan untuk 90 orang.

Dianggarkan seramai 42 orang anak kapal yang akan diperjawatkan di kapal latihan ini kelak dengan keupayaan membawa

lebih 60-70 orang pegawai dan anggota dalam latihan dalam satu masa pelayaran. Segala kemudahan yang diperlukan oleh pelatih akan disediakan dengan ruang yang selesa di mana hampir 60% ruang di dalam kapal ini adalah ruang kabin.

CIRI-CIRI UTAMA

Kapal ini menggunakan Loji Kuasa Gerak yang dilengkapi dua buah enjin diesel dengan dua buah kotak gear dan dipacu oleh dua set bebaling. Bagi penjaan kuasa elektrik pula, kapal akan dilengkapi dengan tiga buah janakuasa dan sebuah janakuasa kecemasan. Selain itu, kapal ini juga memiliki sepasang *Fin Stabiliser* yang akan berfungsi untuk menstabilkan kapal pada kelajuan melebihi 15 knot. Kapal ini turut dilengkapi dengan *Integrated Automation System (IAS)* untuk pemantauan keseluruhan keadaan pengoperasian peralatan jentera utama dan jentera tambahan. Kapal juga dilengkapi dengan 2 buah bot untuk kegunaan latihan dan operasi menyelamat.

Bagi ciri-ciri sistem kombat pula, kapal akan dilengkapi dengan sebuah meriam utama di bahagian hadapan jenis 30mm serta sistem kawalan penembakan yang terdiri daripada sebuah radar dan EOT (*Electro Optical Tracker*). Sistem navigasi kapal pula akan disokong oleh sebuah radar untuk navigasi manakala sistem komunikasi akan dilengkapi dengan sistem terkini yang menyerupai kelengkapan di Kapal Peronda Generasi Baru TLDM.

Ciri-ciri kelengkapan untuk latihan juga telah dirancang dalam reka bentuk yang akan dibina seperti konsol tambahan untuk radar navigasi, IAS dan meja carta. Kemudahan ruang tambahan di Pusat Informasi Kombat (CIC) dan Bilik Kawalan Enjin (ECR) juga akan disediakan bagi tujuan pembelajaran.

KESIMPULAN

Mallamal utama perolehan kapal latihan ini adalah untuk mewujudkan keupayaan latihan di laut yang memenuhi kehendak TLDM. Reka bentuk mirip kapal operasi yang diilhamkan mampu untuk meningkatkan penerimaan pengetahuan pelatih dengan lebih berkesan serta mampu melahirkan pegawai dan anggota TLDM yang lebih berketerampilan pada masa akan datang. Di samping itu, ianya akan menambah aset yang berkemampuan untuk melaksanakan tugas operasi maritim serta melengkapkan Armada TLDM sesuai dengan menghadapi cabaran yang mendatang.

KD SELANGOR PELENGKAP PEROLEHAN KAPAL RONDA GENERASI BARU



Warga Kapal, Pucuk Pimpinan Tertinggi TLDM dan Pengerusi BNS

Oleh: PR Markas Armada

KD SELANGOR merupakan Kapal Ronda Generasi Baru atau *New Generation Patrol Vessel (NGPV)* yang keenam dan terakhir dalam kumpulan pertama kapal jenis NGPV yang ditauliahkan ke dalam inventori TLDM selepas KD KEDAH, KD PAHANG, KD PERAK, KD TERENGGANU dan KD KELANTAN. Malah, yang lebih membanggakan ialah kapal ini merupakan kapal ronda keempat yang pembinaannya dilaksanakan sepenuhnya oleh Industri Pembinaan Tempatan iaitu Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) di Lumut, Perak yang diwakili oleh warga kerja anak-anak tempatan.

Upacara penamaan dan pelancaran KD SELANGOR sebelum ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Zatashah Anakanda Puteri Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan pada 19 Mei 2009 yang lalu di Limbungan Boustead Naval Shipyard, Lumut. Istiadat pentauliahkan ini pula telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar pada 15 Disember 2011 di Jeti Operasi, Pangkalan TLDM Lumut.

KD SELANGOR telah dibina berkonsepkan '*fitted for but not with*'. Ini bermakna, sekiranya peningkatan keupayaan peperangan perlu dilaksanakan terhadap kapal ronda ini, sistem dan peralatan sedia ada boleh diintegrasikan tanpa melalui proses modifikasi yang kompleks untuk berperanan sebagai sebuah kapal kombatan yang lebih canggih. Dalam konteks yang lebih jelas difahami, Kapal Peronda ini dengan mudah boleh ditukarkan perannya menjadi sebuah kapal yang lebih bercirikan kapal kombatan tanpa perlu melalui proses pengubahsuaian yang rumit.

KD SELANGOR juga telah direka bentuk sebagai sebuah kapal bestari di mana kapal ini bercirikan kecanggihan peralatan yang boleh dioperasikan dengan jumlah krew yang minimum tetapi berupaya mengekalkan tahap dan tempoh pengoperasian yang tinggi.

Selepas ditauliahkan secara rasmi menjadi aset TLDM, KD SELANGOR akan melaksanakan Latihan Kemahiran dan Penyesuaian Laut bagi menyediakan dan menyesuaikan fungsinya untuk menjalankan tugas-tugas operasi. Latihan yang juga dikenali sebagai '*Work-up*' ini bertujuan menentukan warga kapal yang baru ditauliahkan ini mempunyai tahap kesiagaan menyeluruh sebelum melaksanakan penugasan operasi yang sebenar. Apabila kapal telah bersedia sepenuhnya, KD SELANGOR akan ditempatkan di Pangkalan TLDM Lumut, Perak di bawah pemerintahan Markas Armada untuk pelaksanaan tugas rondaan khususnya di Perairan Selat Melaka.

Nama KD SELANGOR dipilih bersempena dengan nama Kapal Peronda KD SRI SELANGOR yang telah ditauliahkan di dalam perkhidmatan TLDM pada tahun 1963. Ia telah dibina di Syarikat Vosper Thornycraft Limited Portsmouth, England pada tahun 1961 dan dilucutkan tauliah pada tahun 1995 setelah berkhidmat selama 32 tahun dalam TLDM. Sepanjang perkhidmatannya, KD SRI SELANGOR telah banyak berbakti dalam menjaga kedaulatan negara melalui siri rondaan keselamatan di perairan negara. Antara sumbangan penting KD SRI SELANGOR ialah penglibatannya bersama kapal ronda KD SRI PERAK dalam menjaga kedaulatan perairan negara semasa era konfrontasi.

Kehadiran KD SELANGOR dalam inventori TLDM dapat memperkukuhkan lagi kekuatan Armada TLDM dalam menentukan keselamatan perairan negara sentiasa terpelihara tanpa sebarang ancaman dan anasir pencerobohan yang boleh mengganggu gugat kedaulatan negara.



Pemakaian Lencana PM oleh PTL



Lawatan Ulung PTL ke ALAM

PALAPES-LAUT PERTAMA DI ALAM

Oleh: Lt Siti Salina Johari TLDM • Foto: LK I TNL Mohd Afzanizam

Lawatan ulung Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar ke Akademi Laut Malaysia (ALAM) pada 11 Februari 2011 merupakan catatan sejarah apabila Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Laut atau lebih dikenali sebagai PALAPES-Laut telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Ogos 2010 dan ini merupakan penubuhan yang pertama kalinya diwujudkan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

ALAM merupakan anak syarikat milik MISC Berhad yang merupakan Institusi Latihan Maritim dan diberi taraf IPTS. ALAM menawarkan program diploma dalam jurusan Kejuruteraan Marin dan Sains Nautika. Tempoh pengajian bagi kedua-dua jurusan tersebut adalah seiring dengan program PALAPES – Laut iaitu selama tiga tahun. Sejak penubuhannya, ALAM telah banyak melahirkan para profesional berkelayakan bagi keperluan kapal dagang kepunyaan MISC Berhad dan agensi perkapalan swasta yang lain.

ALAM selaku peneraju utama institusi latihan maritim di Malaysia dan bertaraf antarabangsa telah dilengkapi dengan kemudahan latihan maritim bertaraf dunia. Penubuhan PALAPES – Laut ALAM dilihat sebagai satu perkongsian strategik di antara TLDM dan MISC Berhad dalam memanfaatkan prasarana yang sedia ada. Perkongsian ini secara langsung menjadi pendokong dalam merealisasikan konsep Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH seperti yang termaktub di dalam Dasar Pertahanan Negara. Melalui program PALAPES – Laut ALAM, ianya bakal menjana para pegawai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) yang mempunyai ilmu kemahiran kelautan yang tinggi dan terlatih. Perkongsian ini juga, sudah pasti akan melahirkan sumber modal insan yang versatil seiring keperluan pertahanan maritim negara di samping memberi sumbangan yang

berkesan kepada TLDM dan kepada MISC Berhad sendiri.

Sesungguhnya PALAPES – Laut ini diwujudkan berdasarkan kesedaran dan kepercayaan bahawa para mahasiswa yang berkelayakan boleh dijana menjadi sumber utama modal insan yang bukan sahaja berkelulusan akademik tetapi boleh menyumbang kepada mana-mana organisasi sebagai seorang anggota yang berdedikasi, patriotik dan *multi-skilled*. Penubuhan PALAPES – Laut juga memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti ketenteraan selepas tamat pengajian sebagai pegawai di dalam Pasukan Simpanan Sukarela TLDM.

Menyedari manfaat yang bakal diperolehi oleh kedua-dua pihak, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif MISC Berhad pada ketika itu, Encik Amir Hamzah Azizan telah memajukan permohonan kepada TLDM untuk menubuhkan unit PALAPES-Laut di kampus ALAM, Melaka. Kesediaan ALAM memberi pendedahan latihan ketenteraan kepada para penuntutnya amat dihargai kerana misi ini dilaksanakan atas dasar komitmen dan tanggungjawab kepada keselamatan dan keamanan negara.

Kini, pengisian staf tetap TLDM sebagai pentadbir telah dilaksanakan sewajarnya dan PALAPES-Laut ALAM telah beroperasi sepenuhnya dengan kekuatan

seramai 9 staf tetap TLDM untuk melatih 35 Pegawai Kadet dari pengambilan pertama PALAPES-Laut ALAM. Seterusnya, pengambilan PALAPES – Laut ALAM ini akan diteruskan pada setiap tahun dengan sasaran seramai 35 hingga 50 pegawai kadet bagi setiap kali pengambilan. Oleh yang demikian, TLDM bakal mempunyai seramai 105 hingga 150 pegawai kadet PALAPES – Laut ALAM menjelang tahun ketiga penubuhannya iaitu pada tahun 2012. Selain itu, Encik David Fredrick iaitu Ketua Pegawai Eksekutif ALAM telah dikurniakan tauliah Komander (Kehormatan) PSSTLDM berkuat kuasa 1 Okt 10 dan dilantik sebagai Komandan PALAPES-Laut ALAM yang pertama. TLDM turut menyahut seruan Kementerian Pertahanan Malaysia agar menggalakkan golongan bukan bumiputera menyertai pasukan beruniform.

Program PALAPES-Laut dilaksanakan selaras Skim Latihan Pegawai Kadet TLDM. Keseluruhan latihan dibahagikan kepada enam fasa dan tempoh latihan ialah selama tiga tahun. Para pegawai kadet PALAPES-Laut akan menjalani latihan teori dan praktikal di pusat latihan pegawai TLDM iaitu KD SULTAN IDRIS I di Pangkalan TLDM Lumut dan di kapal-kapal TLDM termasuklah di ALAM sendiri. Setelah berjaya menamatkan latihan, pegawai kadet PALAPES-Laut akan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda PSSTLDM.



Pelatih PALAPES-Laut ALAM

COORDINATED PATROL AREA & JOINT DEVELOPMENT AREA: RANTAI PERHUBUNGAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA - TENTERA LAUT DIRAJA THAILAND



Pelantar Minyak di Sekitar Kawasan CPA

Nukilan : Lt Ahmad Ridzwan Mohd Noordin TLDM • Lt Mohd Syafiq Shukri TLDM

Perhubungan boleh ditakrifkan sebagai "satu proses perikatan jasmani, perasaan, idea, dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain". Ia merupakan proses interaksi yang bererti antara hidupan dan merangkumi kedua-dua aspek perbuatan mengambil berat antara satu sama lain bagi mewujudkan kesefahaman. Perhubungan boleh dilihat dalam pelbagai bentuk, baik secara lisan mahupun tidak, misalnya tegur menegur, nasihat menasihati dan sebagainya. Lantaran, perhubungan antara negara jiran harus dipandang serius kerana ini menjamin keselamatan dan keselesaan bersama di samping dapat mengurangkan persengketaan.

Lantas Malaysia umumnya dan TLDM khususnya, mewujudkan pelbagai idea dan aktiviti bagi mengeratkan perhubungan dengan negara sekeliling. Seperti yang kita semua sedia maklum, Malaysia dikelilingi oleh negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam, Kemboja, Indonesia, Filipina dan Brunei. Rondaan CPA (*Coordinated Patrol Area*) dan JDA (*Joint Development Area*) adalah antara aktiviti yang berjaya mengeratkan hubungan antara TLDM dan Tentera Laut Diraja Thailand (TLDT). CPA/JDA juga dikenali sebagai Patrol Koordinasi di mana kedua-dua buah negara bekerjasama memantau dan membuat rondaan bersama di kawasan yang dibangunkan.

Rondaan CPA/JDA merupakan salah satu bentuk hubungan kerjasama antara Malaysia - Thailand memandangkan rondaan yang dijalankan telah mengeratkan ikatan perhubungan antara kedua buah negara amnya dan tentera laut khususnya.

CPA/JDA adalah rondaan yang dipersetujui oleh kedua-dua buah negara mengikut memorandum perjanjian yang ditandatangani

antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand pada tahun 1978. Kedua-dua buah negara telah bersetuju meneruskan rundingan bagi menentukan persempadanan pelantar benua antara kedua-dua buah negara. Di dalam perjanjian ini, dua rondaan CPA telah dipersetujui untuk dilaksanakan di kawasan yang terlibat. Setiap rondaan CPA/JDA dikoordinasikan oleh Malaysia Thailand Border Coordination Office (MTBCO) dan Thailand Malaysia Border Coordination Office (TMBCO) yang diletakkan di bawah pentadbiran *Regional Border Committee (RBC)*. Sempadan yang dimaksudkan adalah CPA Kelantan-Narathiwat dan CPA Satun-Perlis. Kedua-dua negara bertanggungjawab menjalankan rondaan di zon masing-masing. Rondaan ini telah dilaksanakan melebihi 20 tahun dan masih diteruskan sehingga hari ini. Tujuan utama rondaan ini adalah untuk membanteras dan menghalang aktiviti perdagangan manusia, penyeludupan bahan letupan dan senjata serta penyeludupan barang-barang yang berbahaya daripada memasuki perairan kedua-dua buah negara. TLDM dan TLDT telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan rondaan CPA Kelantan-Narathiwat manakala CPA Satun-Perlis dilaksanakan oleh Polis Marin kedua-dua buah negara.

Bagi setiap penugasan, MAWILLA 1 akan menghantar sebuah kapal dari kelas Kapal Peronda Generasi Baru (NGPV) atau Kapal Pembina Laju (Misil) untuk melaksanakan rondaan ini manakala Thailand juga akan menghantar kapal dari kelas yang sama. Kedua-dua buah kapal akan membuat pertemuan di satu titik koordinasi yang telah dipersetujui untuk bertukar maklumat dan bertanya khabar seterusnya meneruskan rondaan di zon masing-masing.

Dalam membuat rondaan di sempadan kedua-dua buah

negara, kapal juga ditugaskan untuk melaksanakan Inisiatif Bertanya Khabar (IBK) dan Inisiatif Bertukar Maklumat (IBM) terhadap kapal-kapal dagang, bot-bot nelayan asing dan tempatan, pelantar-pelantar minyak dan segala unsur yang terdapat di dalam kawasan sektor rondaan. Segala maklumat direkodkan untuk kegunaan pada masa akan datang. Dengan pelaksanaan IBK dan IBM ini, pihak MAWILLA 1 dapat mengumpul maklumat perisikan dan juga menunjukkan kehadiran TLDM di perairan sempadan tersebut. Ini membolehkan komuniti maritim yang menggunakan perairan kita berasa selamat. Ini jelas menunjukkan kepada kita bagaimana perhubungan antara Malaysia dan Thailand dapat diperkukuhkan. TLDM dan TLDT sering berkongsi dan bertukar maklumat mengenai perairan serta menjalankan aktiviti bersama dalam mengurangkan krisis di laut. Perhubungan baik antara negara-negara jiran amat penting dan harus dititik beratkan kerana ini dapat menjamin keselamatan maritim dan keamanan di laut bersama senantiasa terpelihara.



Rondaan bersama aset-aset Tentera Laut Kedua-dua negara

MESYUARAT PERTAMA VMNWG MELAKAR SEJARAH TLDM



Menandatangani Minit Mesyuarat VMNWG yang Pertama

Oleh: Kdr Shaiful Nizam bin Abd Manan TLDM

Mesyuarat kali pertama Vietnam-Malaysia Naval Working Group (VMNWG) telah dilaksanakan di Hai Phong Naval Headquarters, Vietnam dari 7 hingga 10 November 2010 yang lalu. Mesyuarat ini dihadiri oleh Laksma Dato' Pahlawan Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli (Panglima Wilayah Laut 1) serta delegasi terdiri daripada Kdr Shaiful Nizam bin Abd Manan TLDM (PS 1 Strategi) dan Lt Kdr Jamhari bin Katimin TLDM (PS 2 Hubungan Antarabangsa) dari Markas Tentera Laut.

Mesyuarat pertama VMNWG ini telah melakar sejarah tersendiri, di mana buat julung kalinya mesyuarat antara Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Vietnam (TLV) diadakan. Ianya juga merupakan kerjasama bilateral pertama dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Mesyuarat ini khusus diadakan bagi membincangkan cadangan pelaksanaan rondaan terkoordinasi di *Commercial Arrangement Area* yang merangkumi kawasan tuntutan bertindih dua negara.

Di dalam mesyuarat tersebut Kdr Shaiful Nizam bin Abd Manan TLDM telah menerangkan pentingnya struktur kerjasama pertahanan yang dipraktikkan oleh Kementerian Pertahanan dalam hubungan bilateral. Beliau juga memaklumkan bahawa terdapat dua jawatankuasa iaitu *Joint Committee on Military Co-Operation*

dan *Sub Committee Military Working Group* yang masih belum diwujudkan di bawah kerjasama pertahanan Malaysia - Vietnam. Pihak TLDM percaya hasil yang diperoleh selepas mesyuarat pertama VMNWG ini akan dilihat sebagai pemangkin bagi mempercepatkan proses kewujudan mekanisme tersebut.

Di samping atur cara mesyuarat yang padat, Laksma Dato' Pahlawan Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli juga berkesempatan untuk membuat kunjungan hormat ke atas Rear Admiral Nguyen Cong Hoa, Commissar of the Vietnam People's Navy. Di antara topik perbincangan ialah tentang pentingnya kerjasama bilateral dan mewujudkan *Confidence Building Measures* di antara Malaysia dan Vietnam.

TLV telah berjaya menganjurkan mesyuarat pertama VMNWG dengan baik. Komitmen dan profesionalisme pegawai-pegawai TLV boleh dibanggakan dan mereka turut berharap agar rondaan koordinasi antara TLDM dan TLV dapat direalisasikan.



Kunjungan Hormat ke atas Commissar of the Vietnam People's Navy



Mesyuarat Dua Hala Malaysia - Vietnam

ROYAL MALAYSIAN NAVY AND UNITED STATES NAVY BILATERAL COOPERATION



RMN and USN Ships in Action in South China Sea during Ex-MEKAR

By: Cdr Shaiful Nizam bin Abd Manan RMN and Cdr Zulhaimi bin Mulkan RMN

The level of interaction and exercises between the Royal Malaysian Navy (RMN) and US Navy (USN) under the ambit of CARAT has significantly improved over the recent years. Apart from the above interactions, there has also been an increased in the number of USN ships visiting Malaysia (2009 - 14 ships and 2010 - 25 ships). On the official front, there were seven official visit by the Senior USN leadership to Malaysia in 2010. The visit of the RMN's Chief of Navy to the US (from 28 July - 8 August last year) is a clear evidence of the enhanced engagement between the two navies.

On the other hand, the Bilateral Training and Consultative Group (BITACG) and International Military & Education Training (IMET) have been instrumental in preserving if not promoting the navy-to-navy engagement. These platforms set the foundation to coordinate all activities encompassing the ambit of defense cooperation, exercises, courses, intelligence and communications. This long standing arrangement has benefited both the RMN and the USN to a large extent and continues to serve as an avenue for interaction amongst the naval Subject Matter Experts (SMEs). Obviously, the commitment in fulfilling the above activities could not have been successfully executed without the effective roles of the leadership of both navies.

In the foreseeable future, it is anticipated that the RMN - USN engagement will continue to grow to new heights. New areas of cooperation in the domains such as SMER, submarine force capabilities development and training are already being discussed and deliberated upon. At the



Table Top Exercise at RMN Maritime Tactical Centre



RMN and USN Combined Boarding Team in Action

same time, the RMN looks forward to maintaining the FMS arrangement in realizing her future acquisition programs related to the RMN's Littoral Combatant Ships and medium-lift ASW helicopters.



MENZAHIRKAN KEDAULATAN PERAIRAN NEGARA



Batuan Tengah

Oleh : Lt Ahmad Ridzwan Mohd Noordin TLDM
Lt Mohd Syafiq Shukri TLDM

Pedra Branca yang dikenali sebagai Batu Puteh pada asalnya dimiliki oleh Kesultanan Johor dan ini disahkan melalui penguasaannya terhadap Orang Laut yang menjalani kehidupan dan aktiviti harian di sekitar Selat Singapura termasuk di Pedra Branca. Semasa kes tuntutan bertindih pulau ini dibawa ke ICJ, mereka tidak menafikan bahawa hak milik terhadap entiti itu tidak berubah oleh perkembangan yang berlaku dari tahun 1824 sehingga 1840-an. Walaubagaimanapun, ICJ telah memutuskan menjelang tahun 1980 bahawa kedaulatan Pedra Branca telah beralih kepada Singapura setelah beberapa insiden yang berlaku sekitar 1953 dikaji dan diteliti. Ini antaranya termasuk penyiasatan Singapura terhadap beberapa nahas perkapalan dalam perairan negara ini, kebenaran oleh Singapura kepada pegawai Malaysia untuk menjalankan kajian di sekitar Pedra Branca, pemasangan peralatan ketenteraan Singapura di pulau itu dan rancangan penambakan Pedra Branca oleh Singapura (Puad Ibrahim, 2008). Daripada petikan akhbar ini, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk meneruskan rondaan dan pemantauan di perairan Batuan Tengah bagi menjaga dan mengekalkan kedaulatan negara. Meskipun Pedra Branca bukan lagi milik Malaysia tetapi kedaulatan perairan negara perlu dikekalkan sampai bila-bila.

Malaysia sememangnya serius dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara di sekitar perairan Batuan Tengah. Penugasan kapal-kapal SKPL di KOM sangat penting bagi mendapatkan perkembangan terkini serta segala perubahan dan aktiviti-aktiviti yang berlaku di sekitar Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Melihat kepada usaha Malaysia yang gigih, Singapura juga cuba membuktikan bahawa mereka turut memandangkan serius dalam meningkatkan usaha menzahirkan kedaulatan di perairan yang telah dituntut mereka. Singapura secara aktif telah meletakkan aset-aset negara iaitu Republic Singapore Navy (RSN) di sekitar kawasan yang sama dan beberapa insiden mencabar kapal TLDM telah dilaporkan meskipun berada di dalam perairan Malaysia sendiri. Perkara-perkara seperti ini perlu dititikberatkan dan diambilkira bagi mengelakkan tercetusnya pertelingkahan atau permusuhan antara negara kita yang berjiran. Secara amnya, kedua-dua negara sepatutnya melakukan perhubungan di kawasan operasi bagi menjalin persahabatan. Perkara ini juga perlu dilaksanakan bukan sahaja dengan negara Singapura malahan terhadap negara Indonesia juga.

Satu kes yang pernah direkodkan di mana satu bantahan diplomatik pernah dimajukan oleh pihak Singapura sewaktu KD PERANTAU melaksanakan kerja-kerja pengukuran di kawasan perairan Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Operasi Kekal Warisan (OKW) merupakan satu penajaan operasi dan pembaharuan daripada Operasi Kukuh Warisan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003 sehingga Mei 2008 oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Operasi ini bertujuan meneruskan rondaan bagi menentukan kedaulatan negara di Batuan Tengah dan usaha memiliki Tubir Selatan yang akan diputuskan oleh International Court of Justice (ICJ) kemudian. Tugasan OKW dan rondaan di sekitar Kawasan Operasi Maritim (KOM) telah dipertanggungjawab ke atas kapal-kapal yang berada di bawah

pemerintahan Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) dan Skuadron Kapal Pembinas Laju (SKPL) telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi ini dengan kekerapan empat kali sebulan. Semasa menjalankan operasi ini, aset-aset TLDM dilarang sama sekali untuk mewujudkan suasana tegang dan provokasi yang boleh mengeruhkan hubungan diplomatik Malaysia-Singapura. Memandangkan isu tuntutan Pedra Branca yang telah berlarutan sebelum diselesaikan oleh ICJ, TLDM mengambil langkah yang sangat efisien dengan adanya OKW yang memberi gambaran bahawa

Kehadiran KD PERANTAU di lokasi tersebut telah mengundang rasa kurang senang di kalangan pihak Singapura dengan menyatakan Malaysia melakukan pengukuran secara unilateral. Pihak Singapura berpendapat tindakan Malaysia seolah-olah mencemarkan persefahaman dan persetujuan yang dicapai kedua-dua negara di dalam menyelesaikan kemelut persempadanan maritim kedua-dua negara di perairan tersebut. Walaupun bantahan diterima tetapi Malaysia perlulah terus berfikir ke hadapan. TLDM perlu melaksanakan tugas dan amanat yang diberikan dengan membuat rondaan serta pemantauan di kawasan berkenaan tanpa gagal. Dengan adanya OKW, kehadiran aset TLDM di KOM bukan sahaja menunjukkan kehadiran sematamata tetapi mempunyai nilai tambah terhadap operasi ini.

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 telah memutuskan bahawa hak kedaulatan Pedra Branca diberikan kepada Singapura dan Batuan Tengah kepada Malaysia manakala kedaulatan Tubir Selatan tertakluk kepada perairan wilayah di mana terletaknya entiti tersebut (*belongs to the state in the territorial waters in which it is located*). Keputusan penghakiman ICJ yang tidak memuktamadkan hak kedaulatan Tubir Selatan walaupun kedua-dua negara secara spesifik telah bersetuju merujuk kepada ICJ untuk membuat keputusan ini agak mengelirukan. Secara tidak lansung, ketiadaan keputusan terhadap hak kedaulatan Tubir Selatan ini akan memberi kesan terhadap proses pembatasan sempadan maritim di antara kedua-dua negara. Susulan dari keputusan tersebut, kedua-dua negara terpaksa mengambil tindakan secara *unilateral* bagi mempertahankan kedaulatan Tubir Selatan.

Misi OKW adalah melaksanakan rondaan untuk memperaga kehadiran dan memantau keadaan di perairan Batuan Tengah. Dengan kehadiran kapal TLDM di kawasan tersebut kita dapat memantau segala aktiviti yang berlaku di sana serta membuat laporan harian dan tinjauan di Batuan Tengah serta perairan Pedra Branca.

Terdapat pelbagai langkah yang diambil oleh TLDM bagi menzahirkan kedaulatan Tubir Selatan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah dengan melaksanakan aktiviti pengukuran hidrografi walaupun usaha ini akan di bantah oleh negara Singapura. Kerajaan juga perlulah merangka sebarang bentuk operasi dan aktiviti-aktiviti yang lain bagi menyokong usaha dalam menzahirkan kedaulatan Tubir Selatan. Melalui usaha tersebut,



Pedra Branca

TLDM dilihat sebagai sebuah agensi yang berupaya dan mampu mempertahankan kedaulatan negara. Oleh yang demikian, OKW ini haruslah dipertingkatkan dari masa ke semasa.

OKW ini haruslah diteruskan selagi kata putus mengenai Tubir Selatan belum diputuskan oleh ICJ. Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia dan Singapura yang kedua pada 19 hingga 20 Ogos 2008, menyatakan bahawa kedua-dua negara telah bersetuju untuk membenarkan aktiviti menangkap ikan secara tradisional oleh nelayan di perairan Pedra Branca dan Batuan Tengah sehingga 0.5 batu nautika menghampiri kedua-dua entiti tersebut. Pemantauan yang berterusan haruslah dibuat bagi memastikan aktiviti penangkapan ikan dibuat di kawasan yang telah ditetapkan. Sebarang tindakan berbentuk kekerasan haruslah dihindarkan supaya tiada sebarang konflik boleh merenggangkan hubungan diplomatik kedua-dua Negara.

Terdapat beberapa cadangan yang dibuat bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan OKW ini pada masa akan datang dengan mempertingkatkan rondaan di kawasan tersebut dan menambahkan jumlah hari kapal yang meronda di laut. Langkah ini bertujuan bagi memperagakan kehadiran di Batuan Tengah dan Tubir Selatan dalam menzahirkan kedaulatan Negara Malaysia dan juga dapat menguatkan lagi tuntutan ke atas Tubir Selatan. Penambahbaikan pasukan neutral haruslah diperluaskan kepada bot nelayan dan bot awam negara asing serta kapal-kapal dagang dan bot tunda. Ini disebabkan separuh kawasan operasi meliputi *Traffic Separation Scheme (TSS)*, kawasan perikanan dan laluan perdagangan yang sibuk dan sempit. Pelan komunikasi antara aset-aset TLDM haruslah diseragamkan bagi memudahkan pemantauan dijalankan. Kerjasama antara TUDM haruslah dijalankan bagi meningkatkan lagi mutu rondaan di kawasan tersebut dan mereka

boleh membuat rondaan secara bergilir dengan TLDM.

Sektor rondaan yang sedia ada perlu diperluaskan bagi memberi peluang kepada aset-aset TLDM berlindung dan bersauh dari cuaca buruk tanpa perlu keluar dari kawasan operasi. Aktiviti-aktiviti maritim perlulah dipertingkatkan di perairan Tubir Selatan dan juga pemasangan monumen dan penanda aras di Tubir Selatan oleh Pusat Hidrografi Nasional dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Dengan adanya OKW ini maka kedaulatan perairan Negara dapat dipertahankan dan diyakini mampu memberi impak yang besar terhadap hak kedaulatan Tubir Selatan. Walau bagaimanapun, prosedur operasi ini haruslah ditambah baik demi kepentingan Malaysia. Isu persempadanan ini dipandang serius oleh pihak kerajaan kerana ia melibatkan hak kedaulatan negara. Pada masa yang sama, diharapkan dapat diwujudkan satu evolusi baru terhadap satu pelan *Maritime Domain Awareness* di kalangan *the Navy People* dan seterusnya dijana kepada komuniti maritim di peringkat kebangsaan.



Tubir Selatan



Aset-aset TLDM melaksanakan rondaan

REVOLUSI DAN PEMODENAN PHN



Bangunan Pusat Hidrografi Nasional

Oleh: Lt Kdr Ahmad Rizuan bin Hussin TLDM

Cawangan Hidrografi (CH) ditubuhkan pada 1965 setelah pengunduran Tentera Laut British dari Malaysia. Pada tahun 1972, Jemaah Menteri telah memutuskan dan memberi CH kuasa dalam semua hal berkaitan Hidrografi di Malaysia. Untuk meningkatkan lagi "recognition and credibility" di mata dunia, CH telah menganggotai International Hydrographic Organization (IHO) pada tahun 1975.


Pada tahun 1984, CH telah menerbitkan carta nautika yang pertama. Ianya diikuti dengan transformasi ke pencartaan digital apabila *Electronic Chart Display and Information System (ECDIS)* diperkenalkan di mana pada 1997 *Electronic Navigational Chart (ENC)* diterbitkan.

- 1965 Penubuhan Cawangan Hidrografi TLDM
- 1972 Pelantikan Sebagai Penguasa Hidrografi Negara
- 1975 Malaysia menyertai Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa (IHO)
- 1977 Pentauliahkan KD MUTIARA
- 1984 Penerbitan Carta Nautika
- 1994 Transformasi Era Digital
- 1997 Penerbitan *Electronic Navigational Chart (ENC)*
- 1998 Pentauliahkan KD PERANTAU
- 2002 Projek Pembinaan Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah
- 2006 Pentauliahkan KD SULTAN AZIZ SHAH & Perasmian Pusat Hidrografi Nasional Pulau Indah
- 2009 Perolehan Fasiliti Percetakan
- 2010 Penerbitan Carta Kapal Selam

Dengan perkembangan serta penglibatan yang lebih meluas di peringkat TLDM dan nasional, CH telah melakarkan kertas cadangan untuk penubuhan Pusat Hidrografi Nasional (PHN) dan meningkatkan perjawatan bagi menampung tanggungjawab yang semakin meluas. Pada tahun 2005, Pangkalan TLDM Pulau Indah ditauliahkan dan PHN mula beroperasi secara rasmi.

Pada penghujung tahun 2009, PHN menerima Fasiliti Percetakan secara berperingkat untuk melengkapkan proses percetakan carta nautika secara in-house secara keseluruhan. Sejarah sekali lagi terukir, apabila PHN menerbitkan carta kapal selam yang pertama pada tahun 2010 selari dengan kepulangan KD TUN RAZAK.

PHN terdiri dari dua bahagian yang penting iaitu Bahagian Hidrografi



dan Pusat Hidrografi & Oseanografi, 2 cabang ini memainkan penugasan yang sama penting walaupun memiliki peranan yang berbeza.

Bahagian Hidrografi bertanggungjawab untuk melakar, mengimplimentasi dasar dan polisi, merancang hala tuju, pembangunan peralatan dan sistem hidrografi, perancangan pengukuran dan kawalan kualiti data batimetri, pemantauan aset, serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia hidrografi.

Pusat Hidrografi & Oseanografi merangkumi seksyen kartografi, oseanografi dan meteorologi. Bahagian ini bertanggungjawab dalam membekalkan perkhidmatan dan menerbitkan produk seperti penerbitan carta nautika dan ENC, carta-carta



khas untuk eksekusi dan latihan, jadual pasang surut, taklimat alam sekitar (*environmental brief*) serta perkhidmatan percetakan.


Manakala untuk urusan pentadbiran dan administrasi dikendalikan oleh seksyen bantuan dan pentadbiran.

Penglibatan PHN

Sebagai penguasa hidrografi yang bermandat, PHN menerajui Jawatankuasa Hidrografi Negara dan terlibat sebagai ahli jawatankuasa atau ahli jawatankuasa teknikal beserta agensi-agensi kerajaan lain bagi menangani isu - isu semasa di peringkat nasional.

PHN juga mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Antara penglibatan PHN di peringkat antarabangsa:

- International Hydrographic Organization (IHO)
- Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC)
- East Asia Hydrographic Commission (EAHC)
- Marine Electronic Highway (MEH)
- Tripartite Technical Expert Group for the Safety of Navigation in the Straits of Malacca and Singapore (TTEG)
- Malacca and Singapore Straits Electronic Navigational Charts (MSSENC)
- South China Sea Electronic Navigational Charts (SCSENC)
- Malaysia Singapore Joint Committee on Environmental (MSJCE)
- Malaysia Indonesia Joint Technical Committee on Boundaries Delimitations





Lambaian Tangan SPB Yang Di-pertuan Agong di atas KD TAR

Tuaniku Mizan Menggunakan Periskop

Oleh: Krew KD TUNKU ABDUL RAHMAN

Kota Kinabalu, 10 Mac – Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al Wathiqu Billah Tuaniku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj telah berangkat mencemar duli untuk menyelam bersama kapal selam pertama negara, Kapal Diraja (KD) TUNKU ABDUL RAHMAN di perairan Laut China Selatan hari ini. Baginda turut diiringi Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar bersama krew KD TUNKU ABDUL RAHMAN belayar dari Jeti Operasi Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS) di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK).

Baginda sebelum ini telah tiba di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada 9 Mac 2011 dan disambut mesra oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah Datuk Seri Panglima

Hj Juhar bin Hj Mahiruddin. Turut hadir menyambut keberangkatan baginda juga adalah Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar serta para kenamaan dan pegawai-pegawai kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Keberangkatan Baginda merupakan jujung kaili ke Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS) TLDM di PTKK semenjak pengoperasian markas ini pada 1 September 2009. Dalam lawatan singkat ini, Baginda telah berkenan melawat MAKS termasuklah ke SCORPENE Type Diving Control and Platform Simulator (SIMA) yang terletak di Pusat Latihan Kapal Selam TLDM. SIMA merupakan penyelaku yang dilengkapi pelbagai peralatan canggih menyerupai peralatan di kapal selam untuk tujuan melatih warga kapal selam dan pelatih yang mengikuti kursus kepakaran kapal selam. Baginda juga turut diberi penerangan mengenai peranan

DYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG TUANKU MIZAN MENCEMAR DULI MENYELAM BERSAMA KAPAL SELAM PERTAMA NEGARA

dan keupayaan aset tempur bawah permukaan TLDM masa kini.

Dalam pelayaran ulung Baginda bersama kapal selam pertama negara, aset-aset TLDM seperti KD LEKIU dari kelas Frigate 2000, KD KEDAH dari kelas *New Generation Patrol Vessel (NGPV)* serta helikopter *Super Lynx* turut mengiringi pelayaran ini. Manakala aset-aset Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) seperti Helikopter *S70 Black Hawk*, Helikopter *AS61N1* serta Helikopter *Nuri* juga terlibat dalam menjayakan pelayaran Baginda.

Semasa pelayaran dan penyelaman bersama KD TUNKU ABDUL RAHMAN, baginda telah berkenan menyaksikan demonstrasi melawan kebakaran, demonstrasi water shot dan baginda turut merasai pengalaman menyelam ke Kedalaman Maksima operasi (Maximum Operating Depth) KD TUNKU ABDUL RAHMAN. Sebagai bukti dan pengesahan ini, Panglima Tentera Laut telah mempersembahkan Sijil Penyelaman dan Lencana Kehormat Kepakaran Kapal Selam TLDM kepada Seri Paduka Baginda Tuaniku yang juga selaku Laksamana Armada TLDM.

Dengan keberangkatan Baginda belayar dan seterusnya menyelam bersama kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN ini, maka terbuktilah tahap kesiagaan kapal selam negara sentiasa berada di tahap yang tertinggi. Kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN juga telah berjaya melancarkan misil bawah permukaan ke permukaan air jenis *Exocet SM39 Blok 2* di perairan Laut China Selatan pada 26 Julai 2010 yang lepas di mana misil tersebut telah mengenai sasaran permukaan berukuran 40 meter panjang pada jarak 40 km (22 batu nautika). Misil telah dilancarkan sewaktu KD TUNKU ABDUL RAHMAN berada pada kedalaman 55 meter di mana ia sukar dikesan oleh sistem penderia bawah air mana-mana kapal permukaan.

Small and Medium Calibre Ammunition



Pyrotechnics Products



Large Calibre Ammunition



Metal-Base Products



SME ORDNANCE SDN BHD
(9046-U)

Lot 5065, Locked Bag No. 101, 48109 Batu Arang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6035 2521 (Hunting Line) Fax : 03-6035 2029, 6035 2645
Email: marketing_sme@yahoo.com Website: smeordnance.com





NAVY





PEOPLE



LATIHAN MELAWAN KEBAKARAN WARGA KD TUNKU ABDUL RAHMAN

Oleh : 820498 PW I TMK Mohamad Farid bin Sukiran
KD TUNKU ABDUL RAHMAN

Api!!!!Api!!!!Api!!!!!! Perkataan keramat yang cukup sinonim dengan *the Navy People* sebagai laungan pencetus tindakan refleks yang secara tidak langsung meningkatkan adrenalin warganya. Perkataan keramat ini jugalah yang telah mengakibatkan beberapa insiden tidak diinginkan di kapal-kapal TLDM khususnya kepada insiden kebakaran yang telah mengorbankan salah satu aset TLDM iaitu KD SRI INDERAPURA. Kompetensi warga TLDM di dalam menangani insiden kebakaran harus sentiasa berada di peringkat yang tinggi bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berulang lagi.

Mengambil iktibar dari insiden-insiden kebakaran yang pernah berlaku di dalam TLDM dan berasaskan objektif untuk mengekalkan kesiagaan krew, KD TUNKU ABDUL RAHMAN (TAR) dengan kerjasama Pusat Latihan Kapal Selam TLDM telah merencanakan latihan kebakaran bersepadu di bawah kelolaan Akademi Bomba dan Penyelamat Tuaran (ABPT). Di samping latihan berterusan yang dijalankan di kapal, idea pelaksanaan latihan di ABPT ini dicetuskan atas kesinambungan untuk meneruskan latihan-latihan kebakaran berperingkat yang pernah dilalui semua *Designated Submarine Personnel* (DSP) ketika menjalani kursus kapal selam di Perancis. Justeru pada 10 dan 11 Januari 2011, dua sesi mencegah dan melawan kebakaran telah berlangsung di Akademi Bomba dan Penyelamat Tuaran (ABPT) melibatkan 28 krew KD TAR berteraskan misi utama untuk memantapkan fizikal dan mental setiap krew. Setelah melaksanakan perbincangan awal bersama ABPT, latihan berobjektifkan pendedahan serta *knowledge refresher* yang akan dijalankan ini perlu mengambil kira kesukaran dan kesempitan kompartmen di kapal selam. Ianya terbahagi kepada dua sesi utama iaitu:

- i) BATG – *Breathing Apparatus Training Gallery*.
- ii) CFBT – *Compartment Fire Behaviour Training*.



Latihan BATG Tahap *Free Fall 1st Stage*

BATG

Latihan BATG memerlukan anggota memakai *Full Heavy Fireman Suit*, beserta set *Breathing Apparatus* (BA). Pelatih dikehendaki memasuki Galeri Latihan yang bertingkat, panjang, sempit dan berliku. Cabaran yang lebih tinggi perlu dihadapi apabila kesempitan

kompartmen ini diharungi dengan suhu galeri yang mencecah 70°C disamping suasana yang gelap dan di penuh asap.

Latihan ini dilihat sebagai ujian kekuatan mental dan fizikal krew agar suasana getir ini dapat dilalui dengan tenang di samping meningkatkan keyakinan individu di dalam mengikis perasaan fobia ketika berada di tempat yang sempit dan gelap. Latihan ini juga memerlukan keupayaan berkomunikasi yang baik bersama tim pencegah kebakaran yang ditugaskan. Latihan dilihat menjadi satu cabaran besar kepada pelatih khususnya bagi mereka yang berbadan besar dan kurang stamina di mana ianya berkait rapat dengan teknik kawalan pernafasan dan keupayaan daya elastik badan yang turut memainkan peranan penting dalam menangani situasi ini.

Latihan ini dilakukan di dalam 3 peringkat iaitu :

- i) **Free Fall 1st Stage - Tanpa set BA**
 - Situasi terang
 - Tanpa Asap dan bersuhu normal
- ii) **Free Fall 2nd Stage - Memakai set BA tanpa topeng muka**
 - Situasi Gelap
 - Tanpa Asap dan bersuhu 70°C
- iii) **Full Darkness**
 - Memakai set BA lengkap bertopeng Muka
 - Situasi Gelap
 - Ruang dipenuhi asap dan suhu 70°C.

Di tahap *Free Fall 1st Stage* iaitu tahap pengenalan, pelatih perlu memasuki Galeri Latihan dengan pakaian *full heavy fireman* tanpa set BA. Situasi awal ini agak mudah diharungi berikutan ruang Galeri Latihan yang masih terang, tanpa asap dan bersuhu normal. Pelatih dikehendaki menyusur di laluan-laluan sempit, berliku dan berhalangan berdasarkan inisiatif sendiri untuk melepasi laluan tersebut.

Di tahap kedua (*2nd Stage*) pula, halangan dan cabaran dipertingkat dengan penambahan beban BA set tanpa topeng muka manakala lampu di Galeri Latihan dipadamkan serta sistem pemanas akan dioperasikan.



Krew KD TAR memakai *Full Heavy Fireman* dilengkapi Set BA memasuki Galeri Latihan

Cabaran menjadi lebih getir di peringkat akhir (*Full Darkness*) di mana beban sedia ada dilengkapi dengan topeng muka dan sambungan pernafasan terus ke set BA. Suasana mencabar di tambah lagi apabila penggunaan simulasi seperti kebakaran bermuda dengan pengoperasian *smoke machine*. Disinilah pelatih dilihat melalui saat yang getir di mana kawalan mental, fizikal dan kemampuan pernafasan menjadi aspek utama dalam mengharungi cabaran ini.



Taklimat oleh Tenaga Pengajar

CFBT

Latihan CFBT pula melibatkan kebakaran di ruang tertutup di mana pelatih akan diberi latihan yang tertumpu kepada teknik-teknik memadam kebakaran dengan cara yang betul di samping mengoptimumkan penggunaan air. Latihan di CFBT mencakupi bidang seperti :

- i) Tatacara pemakaian BA set (ulangkaji).
- ii) Pengenalan kepada Pakaian Operasi dan teknik pemakaian sebenar.



- iii) Teknik pancutan *Control Nozzle*.
- iv) *Door entry procedure*.
- v) Teknik Memadam kebakaran di dalam kompartmen tertutup.

Untuk latihan asas pemakaian set BA dan pakaian operasi, latihan hanyalah berbentuk taklimat dan sedikit praktikal yang dipamerkan oleh jurulatih Bomba. Latihan tidak menandatangani kesukaran kepada pelatih berikutan asas dan teras pengetahuan melawan kebakaran yang dimiliki krew kapal selam didapati sudah cukup untuk menangani latihan ini.

Bagi latihan teknik pancutan air, memadamkan api dan *door entry procedure*, ianya dilakukan di lapangan terbuka berikutan keperluan pelaksanaan praktikal oleh setiap pelatih di bawah pengawasan jurulatih Bomba.

Teknik pancutan *control nozzle* terbahagi kepada 7 iaitu:

- a) **Jet**
- Memadam punca api di ruang terbuka.
- b) **Spray**
- *Defensive* bahang api di ruang terbuka.
- c) **Fogging**
- Penyejukan sekeliling di ruang terbuka.
- d) **Short Pulse bukaan 30°**
- Mengecilkkan saiz lidah api (1-2 saat).
- e) **Long Pulse bukaan 30°**
- Mengecilkkan saiz lidah api (3 saat).
- f) **Painting**
- Penyejukan lantai laluan (kuantiti kecil).
- g) **Paint Sling**
- Memadam punca api di ruang tertutup.



Praktikal Teknik Pancutan

Dengan kepanasan suhu mencecah 312°C dalam ruangan tertutup, implementasi teknik *door entry procedure* sangatlah bagi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan dalam memastikan keselamatan terpelihara. *Door entry procedure* memerlukan 3 ke 4 anggota di mana seorang anggota bertindak sebagai *doorman*, seorang lagi berperanan sebagai 'in-charge' manakala 2 orang lagi anggota bertindak sebagai *nozzleman* dan pembantu. Teknik ini memerlukan pengetahuan tinggi anggota dalam menilai kadar kepanasan ruang yang bakal dimasuki.

Di sini teknik *entering procedure* perlu di praktikkan yang mana *nozzleman* akan memeriksa pintu dan membuat anggaran suhu di ruang yang terbakar. Kadar kepanasan ruang yang bakal dimasuki boleh disukat melalui dua cara iaitu:

- i) Menggunakan *Thermal Imaging Camera (TIC)*.
- ii) Membuat teknik pancutan *painting* ke daun pintu.

Pengukuran suhu menggunakan TIC lebih mudah kerana *nozzleman* akan membuat keputusan berdasarkan bacaan TIC tanpa perlu melaksanakan teknik *painting* di daun pintu. Walau bagaimanapun, teknik *short pulse* atau *long pulse* hendaklah diaplikasikan sekali sekala ke dalam ruangan setelah pintu dibuka oleh *doorman* untuk mengecilkan saiz lidah api. Setelah lidah api mengecil, *nozzleman* akan membuat keputusan untuk masuk dan melakukan teknik pancutan *short pulse* atau *long pulse* dari masa ke masa sehingga api padam. Sebaik sahaja punca api dikenalpasti, teknik *paint sling* akan digunakan bagi memadamkan api tersebut. Kesemua teknik-teknik yang dipelajari ini diperamati sesuai untuk dipraktikkan di ruangan tertutup berikutan penggunaan air yang minima bagi mengelakkan berlakunya *water damage* di dalam kompartmen.



Teknik *Painting* diaplikasikan sekiranya tiada TIC

Sekiranya TIC tidak ada, teknik kedua boleh diaplikasikan iaitu memancutkan sedikit air ke daun pintu dari atas kebawah untuk mengetahui paras ketinggian kepanasan di ruang yang bakal dimasuki. Ia dapat menentukan samada *firefighter* berupaya untuk memasuki ruangan tersebut ataupun sebaliknya. Aplikasi kaedah separa duduk perlu dikekalkan sewaktu memasuki ruangan tertutup mahupun sewaktu melawan kebakaran berikutan fenomena asap dan udara bahang yang akan terkumpul di atas manakala udara yang sejuk akan terkumpul di ruangan bawah kompartmen. Kaedah *painting* dan teknik pancutan *short pulse* atau *long pulse* juga perlu dilakukan beberapa kali sebelum memasuki ruang terbakar untuk menilai paras ketinggian kepanasan di samping untuk mengurangkan tahap kepanasan dan lidah api di dalam *compartment* yang bakal diharungi.

Setelah lidah api mengecil barulah

nozzleman akan membuat keputusan untuk bertindak dan teknik pancutan *short pulse* atau *long pulse* juga perlu dilaksanakan dari masa ke semasa sehingga api terpadam. Sebaik sahaja punca api sudah dikenalpasti, teknik *paint sling* akan dipraktikkan bagi mengelakkan api menjadi lebih marak.

Fenomena *Water damage* boleh berlaku sekiranya penggunaan air tidak dikawal dan berlebihan. Lebihan air ini akan mewujudkan pemeluwapan yang banyak di atas tindak balas air dan suhu secara mendadak melebihi tahap didih di ruangan tertutup. Wap panas yang terhasil ini terlalu ringan dan akan meresap ke dalam *fire fighting suite* yang sepatutnya berperanan menjadi pelindung kepada anggota. Akibatnya, kulit tim melawan kebakaran berkemungkinan besar melecur ringan di dalam sut yang dipakai itu sendiri. Oleh yang semikian, anggota dilarang sama sekali membasahkan badan atau menggosok bahagian yang dirasai panas kerana ia membolehkan berlakunya insiden seperti berikut:

- a) Dengan membasahkan *fire fighting suit*, air yang membasahi sut ini akan bertukar menjadi wap panas dan ianya bolehlah dikaitkan 'umpama merebus ubi di dalam periuk' iaitu tubuh badan anggota itu sendiri akan melecur akibat kepanasan wap tersebut.
- b) Dengan menggosok bahagian anggota badan yang dirasakan panas pula akan mengakibatkan kulit yang melecur tertanggal. Oleh itu anggota disarankan supaya menepuk-nepuk sahaja bahagian anggota badan yang dirasakan panas.

Latihan berakhir pada lewat petang 11 Januari 2011. Dua sesi latihan intensif dan amat berbeza dari latihan-latihan yang pernah dilalui sebelum ini dilihat banyak menambah pengetahuan dan pengajaran. Sikap positif dan kerjasama yang dipamerkan kesemua jurulatih Bomba juga banyak membantu krew di dalam menangani situasi kebakaran yang sungguh getir dan berbahaya sekiranya ia tidak dijalankan dengan kaedah yang betul. Sesungguhnya masih banyak lagi perkara dan ilmu berkaitan mencegah dan melawan kebakaran yang boleh dipelajari oleh warga kapal. KD TAR memandang ke hadapan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif lain dengan sokongan dan bantuan unit-unit luar di dalam memastikan kompetensi krew sewaktu melawan kebakaran dapat dikekalkan di suatu tahap yang boleh dibanggakan oleh Markas Angkatan Kapal Selam TLDM.

Falsafah Pemerintahan: Memangkin Kepimpinan Berkualiti

Oleh: Kdr Najhan bin Md Said TLDM

Apa itu Falsafah Pemerintahan

Bila tajuk artikel ini tertera "Falsafah Pemerintahan", mungkin ramai yang bertanya, apakah itu Falsafah Pemerintahan? Menurut Capt James Stavridis, USN dan Vice Admiral William P. Mack, USN dalam bukunya "Command at Sea (Fifth Edition)", Falsafah Pemerintahan atau Command Philosophy diistilahkan sebagai satu pendekatan untuk menghasilkan 'a quick rapport' di antara Pegawai Memerintah dengan pegawai-pegawai bawahan dan seluruh warga kapal. Rapport atau perhubungan yang erat ini dihasilkan dengan menterjemahkan idea-idea dan falsafah yang merangkumi polisi, prinsip, pemikiran dan kehendak seseorang Pegawai Memerintah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Pegawai Memerintah. Jamie Cullens, Director Centre for Defence Leadership Studies, Australian Defence College (ADC) pula menterjemahkan Falsafah Pemerintahan sebagai alat (tool) yang berkesan dalam meningkatkan kemampuan dan keberkesanan pemerintahan seseorang pemerintah.

Pendedahan

Penyediaan Falsafah Pemerintahan oleh seseorang Pegawai Memerintah masih belum menjadi satu budaya di dalam perkhidmatan TLDM. Secara umumnya, punca utama penyediaan Falsafah Pemerintahan ini masih belum dipraktikkan di dalam TLDM adalah kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan di dalam menyediakannya. Pendedahan dalam menghasilkan Falsafah Pemerintahan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh di dalam perkhidmatan TLDM. Oleh yang demikian, tujuan artikel ini ditulis adalah untuk memberi pendedahan kepada semua pembaca terutamanya para pemerintah dan bakal pemerintah tentang apakah sebenarnya Falsafah Pemerintahan dan bagaimana untuk menghasilkan sebuah Falsafah Pemerintahan.

Sebuah Peta dan 'Malim'

Dalam usaha memahami dengan lebih mudah apakah sebenarnya Falsafah Pemerintahan, saya suka kaitkan keperluan Falsafah Pemerintahan ini kepada situasi di mana kita diarahkan untuk menuju ke satu destinasi yang belum pernah kita sampai. Bayangkan sekiranya kita diberi 3 pilihan. Pilihan pertama, mengekori pemandu yang tahu jalan ke destinasi tersebut. Pilihan kedua, mendapat gambaran atau taklimat mengenai jalan mana yang kita harus ambil sebelum memulakan perjalanan. Dan pilihan ketiga, kita diberikan peta yang mudah difahami di samping menerima taklimat sebelum memulakan perjalanan dan memandu mengekori kenderaan yang pemandunya tahu untuk menuju ke destinasi tersebut. Semestinya kita akan memilih pilihan yang ketiga. Pilihan ketiga ini merangkumi semua perkara yang mampu memudahkan pelaksanaan tugas kita.

Mewujudkan Falsafah Pemerintahan boleh disamakan seperti menyediakan peta dalam situasi pilihan ketiga di atas. Menerangkan

mengenai jalan yang mana kita akan lalui pula diibaratkan seperti memberi penerangan mengenai Falsafah Pemerintahan yang dihasilkan. Manakala pemandu yang bertindak sebagai 'malim' atau penunjuk jalan pula adalah diri Pegawai Memerintah itu sendiri kerana hanya beliau yang lebih mengetahui destinasi mana yang hendak dituju. Sekiranya kita membayangkan situasi perjalanan secara konvoi di atas, apabila 'malim' di hadapan tersasar atau tersilap jalan, pemandu-pemandu lain di belakang yang telah dibekalkan dengan peta akan segera sedar bahawa si 'malim' di hadapan perlu dimaklumkan mengenai kesilapan tersebut. Mahu tidak mahu, 'malim' atau Pegawai Memerintah harus sentiasa memastikan beliau melalui jalan yang betul untuk ke destinasi yang dituju.

Elemen Falsafah Pemerintahan

Penulisan sebuah Falsafah Pemerintahan sebenarnya tidak mempunyai format khusus. Apa yang penting ialah, perkara yang hendak disampaikan kepada warga kapal atau unit mengandungi dua elemen utama. Elemen pertama, visi atau apa yang disasarkan sebagai pemerintah kapal atau unit. Elemen kedua pula ialah perkara yang perlu dilaksanakan atau ditekankan untuk mencapai sasaran tersebut. Isi kandungan sebuah Falsafah Pemerintahan juga adalah unik dan merupakan sesuatu yang peribadi. Ia dihasilkan mengikut acuan dan pemikiran pemerintah itu sendiri. Setiap pegawai yang berkhidmat di dalam perkhidmatan TLDM secara idealnya, telah atau akan melalui satu tempoh persediaan sebelum diberikan tanggungjawab sebagai Pegawai Memerintah. Tempoh persediaan ini merangkumi aspek pembangunan jati diri secara peribadi, latihan-latihan kepimpinan dan pengamatan serta pengalaman sewaktu berkhidmat di bawah pemerintahan beberapa Pegawai

Memerintah di sepanjang karier individu tersebut. Berpaksikan kepada faktor-faktor tersebut, setiap pegawai yang terpilih untuk sebagai Pegawai Memerintah seharusnya mempunyai prinsip dan falsafah yang tersendiri bagaimana dia mahu memimpin dan menerajui unit atau pasukan beliau. Prinsip dan falsafah inilah yang seharusnya diterjemahkan di dalam sebuah penulisan yang dinamakan Falsafah Pemerintahan. Contoh penulisan Falsafah Pemerintahan turut disertakan bersama artikel ini untuk tujuan perkongsian maklumat.

Budaya Positif

Mungkin ramai yang merujuk kepada Penyataan Arah TLDM dan ATM yang pernah dihasilkan oleh Pemerintahan Tertinggi TLDM dan ATM juga sebagai satu bentuk Falsafah Pemerintahan. Persamaannya ternyata wujud tetapi bezanya, Penyataan Arah itu terlalu umum dan lebih menjurus kepada halatuju sesebuah organisasi. Berlainan sekali dengan Falsafah Pemerintahan yang lebih bersifat peribadi. Adalah lebih bermakna sekiranya seseorang Pegawai Memerintah yang dilantik menghasilkan Falsafah Pemerintahannya berpaksikan Penyataan Arah perkhidmatan. Falsafah Pemerintahan yang dihasilkan dengan menajarkan visi perkhidmatan bukan sahaja mampu memberi halatuju kepada warga sesebuah pasukan tetapi ia juga akan memberikan pedoman dan pemikiran terhadap tindakan yang bakal diambil oleh seseorang pemerintah. Tidak hairanlah, sekiranya inisiatif untuk menghasilkan Falsafah Pemerintahan ini menjadi budaya di dalam TLDM, ia pasti akan memangkin kepimpinan berkualiti seperti yang disasarkan perkhidmatan. Bersempena dengan sambutan ulangtahun Hari TLDM yang ke-77 ini, marilah kita bersama kita merealisasikannya. *Together we will make it happen!*

Sedia Berkorban.



Dari Meja

Pegawai Memerintah



MANIFESTASI FALSAFAH PEMERINTAHAN

PENDAHULUAN

KD PERANTAU merupakan pasukan/unit yang hebat dan saya sangat bertuah kerana terpilih menjadi Pegawai Memerintah kapal ini. Sebagai Pegawai Memerintah, saya merancang untuk kapal ini dan warganya menikmati masa yang menggembirakan sepanjang saya menjadi Pegawai Memerintah. Sejak hari pertama diperjawatkan sebagai Pegawai Memerintah kapal ini, saya telah mengambil inisiatif untuk mengenali dan memahami setiap individu yang berkhidmat di kapal ini. Kini saya benar-benar telah menjiwai persekitaran dan suasana semasa kapal dan warganya. Justeru, saya ingin sekali berkongsi pemikiran saya bersama kalian dengan menghasilkan Manifestasi Falsafah Pemerintahan ini. Manifestasi ini seharusnya menjadi petunjuk kepada semua *Perantau People* (semua pegawai dan anggota KD PERANTAU) dalam apa yang bakal kita laksanakan dan ke mana arah yang ingin saya bawa *Perantau People* bersama-sama saya. Dalam masa yang sama, manifestasi ini juga bertujuan untuk membantu saya dalam memberikan pedoman kepada pemikiran dan tindakan saya sepanjang memerintah KD PERANTAU.

SKOP

Manifestasi Falsafah Pemerintahan ini akan menjelaskan;

- visi dan kehendak saya sebagai Pegawai Memerintah;
- perkara-perkara yang saya harapkan dari setiap individu warga kapal dan;
- perkara-perkara yang bakal diterima dari saya sebagai Pegawai Memerintah.

VISI SAYA

Secara umumnya, saya paksikan falsafah pemerintahan ini berasaskan prinsip yang sentiasa saya pegang semenjak saya masih di peringkat pegawai muda iaitu, setiap Navy People (Pegawai dan anggota TLDM) seharusnya - sentiasa, di mana jua dan sepanjang masa - adalah simbol Kualiti. Justeru, saya jajarkan pemerintahan saya bervisikan "Untuk Menjadi Kapal Yang Berkualiti Di Dalam TLDM". Maksudnya di sini ialah kecermerlangan kita bukan sahaja di dalam melaksanakan tugas teras dan rutin operasi tetapi juga kecermerlangan sikap, keutuhan disiplin dan semangat *esprit-de-corps* yang mantap. Hasilnya kelak, *Perantau People* akan berbangga untuk menjadi warga KD PERANTAU kerana berkhidmat di sebuah kapal yang sentiasa memandang serius keperibadian dan kebajikan kamu.

TUJUAN SAYA

Menjadi Pegawai Memerintah KD PERANTAU adalah menjadi impian saya semenjak saya membawa (navigate) kapal ini semasa keluar untuk melaksanakan ujian jentera buat kali pertama. Kesannya, apabila dimaklumkan oleh Pengurusan Tertinggi TLDM bahawa saya akan diperjawatkan sebagai Pegawai Memerintah di kapal ini, perasaan saya sungguh terharu. Saya telah berkhidmat di kapal ini hampir satu pertiga usia perkhidmatan saya di dalam TLDM. Saya juga telah terlibat secara langsung dengan kapal ini semenjak menjadi ahli Pasukan Projek sebelum menjadi warga pertama sebagai Pegawai Panduarah. Kemudian pada April 2004, saya kembali semula menjadi Pegawai Hidrografi dan Oseanografi Kanan merangkap Pegawai Laksana. Tidak hairanlah mengapa jawatan sebagai Pegawai Memerintah ini penuh bermakna kepada saya. Namun, kapal ini bukan menjadi kebanggaan saya seorang. KD PERANTAU adalah kapal kebanggaan kita bersama. Saya sangat optimis untuk menghasilkan warga kapal yang berkualiti dengan membangunkan sebuah warga yang berkompetitif, bermotivasi, professional dan berpengetahuan tinggi. Untuk mencapai hasrat itu, keutamaan saya adalah memelihara kebajikan kalian agar semangat diri, spiritual dan tahap moral kalian sentiasa tinggi. Hanya dengan landasan itu sahaja, kejayaan untuk membangunkan warga kapal yang cemerlang akan dapat direalisasikan.



PERKARA-PERKARA YANG SAYA HARAPKAN

Harapan saya daripada kamu sebagai *Perantau People* adalah untuk "ACT", yang mewakili *Attitude* (Sikap), *Continuous Learning* (Belajar Secara Berterusan) dan *Teamwork* (Semangat Berpasukan).

- **Attitude (Sikap).** Sikap adalah kunci kejayaan kepada semua perkara. Ahli Pemikir Jepun, Kenichi Ohmae, dalam bukunya "The Mind of Strategist" menyatakan bahawa, "Pengurusan adalah mengenai ahli/anggotanya dan pemiagaan yang berjaya adalah berpaksikan ahli/anggotanya, bukan kerana suatu perancangan." Justeru, harapan saya agar *Perantau People* mempunyai sikap yang positif. Saya mahukan *Perantau People* sentiasa berfikir "Saya boleh melaksanakannya" berbanding "Saya tidak mampu melaksanakannya". *Perantau People* hendaklah memfokuskan kepada mencari penyelesaian kepada masalah dan bukan hanya menunding jari atas masalah tersebut. Lihatlah kepada kelebihan orang lain dan jangan mencari kelemahan atau mencari kesalahan orang lain. Saya juga berharap *Perantau People* mampu melihat peluang di hadapan dan bukan kekangan.
- **Continuous Learning (Belajar Secara Berterusan).** Saya mengharapkan *Perantau People* berusaha untuk memajukan diri dalam semua aspek baik dari aspek karier mahupun kehidupan peribadi. Jangan sesekali merasakan pangkat yang dimiliki menyekat diri untuk terus belajar. Yang berpengetahuan, bantulah warga yang lain untuk maju. Yang berpengalaman pula, berilah panduan dan tunjuk ajar yang baik dan berterusan kepada warga yang baru agar masa depan *Perantau People* samada kehidupan semasa bertugas di kapal ini atau di dalam TLDM atau pun setelah menjadi orang awam selepas bersara kelak, kalian akan menjadi individu yang lebih positif, produktif dan berilmu.
- **Teamwork (Semangat Berpasukan).** Memandangkan semangat kerjasama merupakan perkara utama untuk menjayakan setiap sasaran dan objektif, saya mahukan setiap *Perantau People* menghormati antara satu sama lain sesama warga kapal. Prihatin dan mengambil berat di samping memelihara perhubungan secara professional antara satu sama lain. Bekerja sebagai satu pasukan bertujukan kesetiaan kepada saya, pegawai-pegawai dan juga anggota bawahan kamu.

"Jangan sesekali kita terfikir untuk berputus asa selagi kita mampu berusaha. Kita hanya akan gagal apabila kita berhenti berusaha."

PERKARA-PERKARA YANG BAKAL DITERIMA DARIPADA SAYA

Sebagai *Perantau People*, kalian boleh mengharapkan untuk menerima "LEAD" daripada saya sebagai Pegawai Memerintah kalian. "LEAD" mewakili *Leadership* (Kepimpinan), *Engage* (Ambil Bahagian), *Accountability* (Bertanggungjawab) dan *Development* (Kemajuan).

- **Leadership (Kepimpinan).** Saya sangat komited untuk memimpin kalian sebagai *Perantau People*. Komitmen ini akan diimbangi dan didukung oleh tindakan dan kelakuan saya yang positif. Saya tidak akan hanya meminta kalian membuat perkara yang betul tetapi saya sendiri akan memimpin kalian untuk melaksanakan perkara yang betul. Saya tidak mahu hanya digelar sebagai pemimpin yang "cakap tak serupa bikin". Sebaliknya, saya bertekad untuk menjadi contoh yang baik dan berkhidmat sebagai role model kepada kalian.



PERKARA-PERKARA YANG BAKAL DITERIMA DARIPADA SAYA (SAMBUNGAN)

- **Engage (Ambil Bahagian).** Sebagai pemerintah, saya tidak mahu kalian bekerja untuk saya tetapi saya mahu kalian bekerja bersama-sama saya. Saya akan mengamalkan berkomunikasi yang efektif dan berusaha untuk turut sama mengambil bahagian bersama-sama kalian. Ini kerana elemen mengambil bahagian bersama-sama adalah perkara yang amat penting dalam usaha mencapai apa yang saya hajati. Kita perlu berkongsi informasi secara bersama dan saling berhubung dalam memastikan kita semua memahami dan memperolehi perkara yang sama. Hanya dengan kaedah ini sahaja kita mampu mencapai apa yang kita hajatkan.
- **Accountability (Bertanggungjawab).** Tugas Pegawai Memerintah bukan sahaja memegang amanah yang diberikan perkhidmatan tetapi juga bertanggungjawab terhadap apa juga yang berlaku di kapal. Segala tindakan *Perantau People* samada di dalam perkhidmatan ataupun dengan kehidupan seharian kalian, ia tetap akan membawa bersama nama KD PERANTAU. Seterusnya nama saya sebagai Pegawai Memerintah juga akan terlibat sama. Saya tidak pernah gentar dengan tugas dan tanggungjawab ini. Saya meletakkan seluruh kepercayaan saya kepada kalian sebagai *Perantau People* untuk berkhidmat bersama-sama saya berasaskan nilai-nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan.
- **Development (Kemajuan).** Saya komited untuk mencurahkan pengetahuan dan pengalaman yang saya miliki demi memajukan dan meningkatkan kalian sebagai *Perantau People* bukan sahaja dalam aspek profesionalisme tetapi juga sebagai individu. Saya yakin, selepas kalian menamatkan tugas kalian di kapal ini, kalian akan menjadi individu berbeza dari aspek kemajuan pengetahuan dan keyakinan diri.

PENUTUP


KD PERANTAU adalah satu pasukan yang hebat. Ia hebat kerana memiliki warga yang sehebat kalian. Jangan bertengah, marilah kita berusaha untuk menjadikan KD PERANTAU yang terbaik. Ingatlah bahawa "ACT" dan "LEAD" mampu diaplikasikan dalam setiap proses yang kita lakukan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan di sepanjang perkhidmatan kita di kapal ini. Saya menggalakkan setiap dari kalian untuk ke hadapan dan buat perubahan kerana kita boleh merealisasikan.

"Sedia Berkorban"

Jan 11

NAJHAN BIN MD SAID
Kdr TLDM
Pegawai Memerintah

PULAU PERAK DAN PULAU JARAK: KONSEP OPERASI BERSAMA DALAM MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN STRATEGIK NEGARA



Oleh: PR Markas Armada

PENDAHULUAN

Op PEJARAK adalah salah satu operasi di bawah pengawasan TLDM secara amnya dan Markas Armada khususnya. Operasi ini dilaksanakan sejak 1 Januari 2004 yang dikenali sebagai Op CENDERAWASIH sebelum ini namun telah ditukar nama kepada Op PEJARAK pada 8 Mac 2007. Operasi ini telah dilaksanakan secara berterusan sehingga kini yang melibatkan penglibatan ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). YBhg Panglima Armada telah dilantik untuk menaungi Operasi ini sebagai Ketua Gugus Tugas (KGT) oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut sebagai Panglima Operasi untuk memerintah dan mengkoordinasi operasi ini.

Nama Op PEJARAK diambil gabungan nama dua buah Pulau yang diawasi iaitu Pulau Perak dan Pulau Jarak. Tim yang ditugaskan di Pulau Jarak dikenali sebagai Tim Sentosa manakala di Pulau Perak dikenali sebagai Tim Nusa. Nama samaran Tim Sentosa diberi memandangkan Pulau Jarak terletak di Selatan (*South*) Kawasan Operasi Maritim (KOM) manakala nama samaran Tim Nusa diberi memandangkan Pulau Perak terletak di Utara (*North*) Kawasan Operasi Maritim (KOM). Nama samaran berikut diberi bagi memudahkan mengenal tim yang ditugaskan di kedua buah pulau yang terletak di dalam KOM.

PERLAKSANAAN OP PEJARAK

Konsep am operasi ini adalah mengawal keselamatan Pulau Perak dan Pulau Jarak serta perairannya dan dilaksanakan secara bersama (*joint*) melalui aktiviti - aktiviti tunjuk kehadiran (*show of presence*) oleh unit - unit TDM, TLDM dan TUDM bawah naungan Pemerintah Operasi terhadap sebarang bentuk ancaman sama ada bersifat ketenteraan ataupun bukan ketenteraan. Ia akan dilaksanakan secara berterusan dan bersistematik melibatkan kapal-kapal TLDM dan pesawat-pesawat terbang TUDM serta pendudukan secara berterusan oleh trup TDM di pulau-

pulau berkenaan. Kawasan Op PEJARAK ini merangkumi kawasan keluasan 4,037 batu nautika persegi. Sepanjang perairan Pulau Perak dan Pulau Jarak dikenalpasti kawasan operasi dan Zon - Zon Waspada diisytiharkan sekeliling Pulau Perak dan Pulau Jarak dengan jejari sepanjang 12 batu nautika dari rumah api yang terdapat di kedua buah pulau berkenaan.

KEPENTINGAN STRATEGIK KEDUA-DUA PULAU

Kedua buah pulau tersebut membawa kepentingan kepada Malaysia dan perlu dipertahankan secara berterusan. Dalam hal ini kedudukan persempadanan maritim Malaysia sekiranya tidak dicabar oleh negara lain membolehkan negara ini memiliki kawasan maritim yang luas, atau mengekalkan kawasan yang sedia ada. Sebaliknya sekiranya kedua-dua pulau ini tidak diduduki dan kes ini dibawa ke *International Court of Justice (ICJ)* untuk diadili, kemungkinan Malaysia kehilangan kawasan maritim yang sedia ada tidak dapat dinafikan. Keadaan ini juga boleh menyebabkan:

- Imej, integriti dan kedaulatan negara akan tercabar.
- Kerugian dari sektor perikanan kerana kawasan tangkapan ikan pasti berkurangan.
- Pengurangan kawalan dari aspek perkapalan walaupun hakikatnya kawasan tersebut kawasan laluan antarabangsa.

INISIATIF

Justeru, beberapa usaha dilaksanakan untuk meningkatkan dan menambahbaikkan proses kerja bagi menentukan kelancaran operasi diteruskan dari semasa ke semasa mengikut garis panduan yang sedia ada dan beberapa inisiatif juga dilaksanakan seperti

berikut:

- Usaha meningkatkan *Maritime Domain Awareness (MDA)* Bersepadu. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan mulai April 2009 dan secara keseluruhannya inisiatif ini telah memperlihatkan pencapaian yang memuaskan. Proses pengumpulan dan perkongsian maklumat di antara TLDM dan agensi penguatkuasa maritim yang lain berjalan dengan baik dan memberi impak yang positif walaupun pada skala yang kecil tetapi membanggakan. Usaha-usaha responsive terhadap maklumat khususnya penglihatan kapal perang asing di Selat Melaka dari aspek pemantauan dan membayangi dengan kapal ataupun pesawat dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perkongsian maklumat berkaitan persekitaran maritim juga telah dilaksanakan oleh kesemua agensi penguatkuasa maritim negara.
- Inisiatif Bertanya Khabar (IBK). Selain mengarahkan kapal melaksanakan inisiatif ini kepada semua sasaran komuniti maritim di KOM semasa melaksanakan operasi, usaha mendampingi nelayan semasa di darat juga dilaksanakan. Pada 30 Jun 09, program pertemuan dan dialog bersama ahli Persatuan Nelayan Negeri Perak di Dewan Tokong Xianfa Shigong, Hutan Melintang, Teluk Intan telah diadakan dan disertai oleh agensi penguatkuasa maritim yang lain. Program ini telah mendapat maklumbalas yang positif dan kerjasama yang menggalakkan. Isu-isu menilai tahap keselamatan di Perairan Selat Melaka, pengambilan pekerja asing dan pemakluman operasi-operasi yang dijalankan oleh TLDM dan agensi penguatkuasa yang lain telah dimaklumkan semasa sesi

tersebut dilaksanakan. Nelayan-nelayan juga diingatkan supaya mengenali aset-aset penguatkuasa maritim negara dan meningkatkan keupayaan komunikasi serta menyalurkan maklumat yang dirasakan berkait rapat dengan keselamatan. Selain itu, kawasan tuntutan bertindih, isu-isu rompakan di laut dan aktiviti pemerias ugut juga turut dibincangkan dalam sesi tersebut.

- Mengkaji dan Menjajar Semula Pelaksanaan Operasi TLDM. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan mengkaji dan menjajar semula arahan dan Perintah Operasi yang dilaksanakan berikutan beberapa aspek command and control dan arahan-arahan tambahan yang tidak dipromulgasikan dalam perintah operasi. Mesyuarat Panglima Operasi TLDM telah dijadikan pelantar untuk perbincangan dan kajian semula.

PENUTUP

Kerjasama yang diwujudkan di antara ketiga-tiga perkhidmatan dengan menugaskan trup TDM untuk beroperasi di Pulau Jarak dan Pulau Perak serta kehadiran aset TLDM dan juga rondaan maritim di KOM Op PEJARAK telah memberi keyakinan dan keselamatan kepada komuniti maritim yang menggunakan Selat Melaka sebagai laluan utama. Inisiatif yang dilaksanakan telah menunjukkan hasil yang positif dan diharap dapat meningkatkan keberkesanan fungsi Markas Armada.

Secara keseluruhannya tiada aktiviti yang mencurigakan berlaku di kawasan operasi berakhir Mac 2011. Perairan negara adalah selamat, aman dan terkawal. Kehadiran aset-aset dari TDM, TLDM dan TUDM mengukuhkan lagi kedaulatan dan keselamatan perairan negara.



Pulau Jarak



CERAMAH KERJAYA WANITA



Taklimat Kepada Peserta Seminar

Oleh: Lt Siti Salina Johari TLDM
Foto: Arkib PERZIM

Satu siri ceramah Kerjaya Wanita di dalam organisasi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Dewan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Program ini telah disertai oleh 135 orang pelajar sekolah menengah sekitar negeri Melaka.

Pogram yang dilaksanakan secara usaha sama di antara pihak TLDM dan PERZIM ini dilihat mampu mendekatkan golongan belia terutamanya para pelajar sekolah mengetahui dengan lebih dekat lagi mengenai peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh TLDM.

Penceramah dari TLDM telah diwakili oleh Kdr Noraida bte Zulkifli TLDM dan Lt Kdr Suziana bte Samin TLDM. Program telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Wira Haji Hamdin bin Abdollah yang merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Perzim dan Pengurus Besar PERZIM iaitu Yang Berbahagia Haji Khamis bin Hj Abas.

Pelbagai maklumat berkenaan penglibatan wanita dalam organisasi TLDM dapat dikongsi bersama para pelajar yang hadir sepanjang program tersebut antaranya ialah sejarah pewujudan wanita dalam TLDM, kerjaya dan kepakaran serta faedah yang diperolehi apabila memasuki perkhidmatan. Pengalaman yang diperolehi sewaktu mengikuti pelayaran bersama KLD TUNAS SAMUDERA mengelilingi dunia turut dikongsi oleh Lt Kdr Suziana bte Samin TLDM.

"Sehingga ke hari ini, dengan kekuatan hanya 6.8% daripada keseluruhan warga TLDM, wanita TLDM telah berjaya membuktikan

bahawa mereka juga turut memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan pembangunan TLDM. Walaupun di peringkat awal pengambilan wanita di dalam TLDM hanya tertumpu dan terlibat kepada tugas-tugas sokongan dan bantuan sahaja namun dengan berkat kegigihan dan kesungguhan, mereka kini telah diberi peluang dan berjaya melaksanakan pelbagai tugas operasi sama ada di daratan mahupun di lautan sehinggalah ke peringkat antarabangsa," kata Kdr Noraida di dalam ucapannya selaku wakil dari pihak TLDM.

Tambahnya lagi, Sehingga ke hari ini seramai 12 orang pegawai wanita telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi TLDM untuk ditempatkan di kapal perang milik TLDM."

Peranan wanita di dalam TLDM kini dilihat semakin meluas seiring dengan permodenan dan perkembangan era teknologi semasa. Wanita kini tidak lagi dilihat 'katak di bawah tempurung' malahan mereka juga berupaya menjawat beberapa jawatan penting di dalam organisasi TLDM seperti Pegawai Memerintah, Pegawai Bekalan dan Pegawai Teknikal di kapal perang serta mengikuti latihan dan Misi Penubuhan Bangsa Bersatu (PBB). Peluang yang diberikan ini juga menjadikan wanita TLDM semakin bersemangat kerana kewujudan mereka bukan hanya untuk memenuhi kuota malahan sebagai melengkap perkhidmatan yang berwibawa dan disegani.

Maka tidak hairanlah jika pada hari ini, TLDM turut dan telah membuka peluang kepada generasi muda terutamanya golongan belia untuk

menyertai perkhidmatan TLDM. Idea generasi muda dan bekalan ilmu yang dimiliki oleh mereka ini mampu menjana TLDM ke arah transformasi dan menjadikan TLDM lebih disegani di mata dunia seiring dengan misi TLDM iaitu *To Be a World Class Navy (Always Excellent)*.

Pada akhir program, sesi soal jawab telah dibuka kepada para pelajar yang hadir bagi memberi peluang kepada mereka mengemukakan sebarang kemusykilan tentang peranan dan apa jua persoalan mengenai TLDM. Sambutan yang menggalakkan terhadap program ini bukan sahaja diterima daripada golongan pelajar yang hadir, bahkan ia turut disertai oleh guru pengiring, pegawai serta petugas PERZIM.



Sebahagian Penuntut dan Peserta Seminar

KESAN PENAMBAKAN PULAU TEKONG TERHADAP PANGKALAN TLDM TG PENGELIH



Pulau Tekong Selepas Penambakan

Oleh: Lt Mohd Farid bin Shamsuri TLDM

Pulau Tekong merupakan sebuah pulau yang kedua terbesar di Singapura terletak di timur laut republik tersebut dengan keluasan 24.43 kilometer persegi. Kedudukan Pulau Tekong lebih hampir dengan Malaysia berbanding dengan Singapura iaitu hanya 1.8 kilometer sahaja dari Tg. Pengelih, Johor. Penambakan Pulau Tekong dilakukan bagi memenuhi keperluan rakyat republik tersebut yang semakin kehausan ruang untuk penempatan selari dengan penambahan rakyatnya seramai 5.5 juta orang.

Isu penambakan ini bukan adalah sesuatu yang baru kerana ia pernah di utarakan oleh Malaysia tentang keburukan penambakan Timur Pulau Tekong terhadap perairan Malaysia. Penambakan pulau ini bukan sahaja melajukan arus air di kawasan Selat Tebrau bahkan mengganggu kitaran air pasang surut di kawasan tersebut. Keadaan ini sedikit sebanyak mengganggu operasi kapal TLDM di kawasan selatan terutama apabila memasuki Selat Tebrau. Selain itu, penambakan juga mendekatkan lagi jarak dari Pulau Tekong dengan Tg Pengelih dari 1.8 kilometer kepada 750 meter sahaja.

Kesan penambakan ini, terbukti apabila kedalaman Selat Tebrau menjadi semakin cetek. Akibat daripada kawasan yang semakin cetek dan sempit, pengoperasian kapal-kapal TLDM yang bersaiz besar amat terhad di kawasan ini terutama apabila memasuki jeti KD SULTAN ISMAIL. Sebelum ini kapal dagang hanya perlu melalui Tg Pengelih untuk masuk ke Pelabuhan Johor namun kini kapal-kapal tersebut terpaksa melalui Perairan Singapura memandangkan perairan yang semakin cetek.

Kesan penambakan tidak tertumpu pada isu laluan sahaja, ia juga melibatkan indeks pencemaran air di kawasan Selat Tebrau. Pencemaran air menjejaskan kawasan perikanan yang merupakan nadi kehidupan nelayan di sekitar kawasan tersebut dan sentiasa terbuka kepada ancaman kemusnahan ekosistem alam di masa hadapan apabila Pulau Tekong digunakan untuk tujuan komersial oleh pihak Republik Singapura.




Aktiviti Penambakan



Aktiviti Penambakan

INOVASI TERKINI KEJURUTERAAN HIDROGRAFI: KOMBINASI IMBASAN LASER DAN SITEM PEMERUN GEMA BERBILANG SISI



Imej Imbasan Laser



Teknologi Penggunaan Laser

Oleh: Lt Kdr Ahmad Rizuan bin Hussin TLDM


Sistem pemerun gema berbilang alur/sisi (*multibeam echo sounder*) telah diperkenalkan secara komersil bermula tahun 1982. Teknologi ini yang lebih baik daripada pemerun gema alur tunggal (*singlebeam echo sounder*) bagi memperolehi data batimetri yang menyeluruh (*full coverage*). Kedua-dua kapal Skuadron Kapal Hidrografi ke-36, KD MUTIARA dan KD PERANTAU dilengkapi dengan sistem ini bagi melaksanakan penugasan hidrografi.

Light Amplification by Stimulated Emission of Radiation atau LASER merupakan gelombang elektromagnet yang berada di dalam julat tertentu. Ciptaan laser bermula pada tahun 1960 dan semenjak itu, ia digunakan secara meluas dalam beribu-ribu aplikasi dalam pelbagai bidang termasuk penggunaan elektronik, teknologi maklumat, sains, perubatan, perindustrian logam dan ketenteraan (setiap aplikasi memiliki *output power* yang berbeza). Secara umumnya, ia telah dianggap pencapaian teknologi paling berpengaruh dalam abad ke-20.

Akhir-akhir ini, aplikasi laser dibangunkan untuk tujuan pemuliharaan artifak dan sejarah melalui *reverse engineering*, di mana imbasan 3 dimensi (3D scan) dapat memaparkan spesifikasi tepat dalam membina model lengkap tanpa menyebabkan kerosakan pada artifak.

Teknologi ini telah dikembangkan dan yang terkini adalah kombinasi imbasan laser dan sistem pemerun gema berbilang alur. Aplikasi ini menggunakan imbasan laser 3D dan sistem *Global Positioning System* (GPS) untuk penentuan kedudukan *georeference* 360 darjah. Data ini seterusnya diintegrasikan dengan data batimetri dengan menentukan datum referensi yang sama.

Cerapan imbasan laser yang




Imej Imbasan Laser



Sistem Pemerun Gema Berbilang Alur

digabungkan dengan data batimetri (*full coverage data*) dengan menggunakan perisian-perisian tertentu menghasilkan kombinasi data batimetri dan grafik yang menyeluruh hingga ke struktur/pembangunan pesisiran pantai.

Inovasi ini mula digunakan di Eropah dan Amerika Syarikat dan dijangka digunakan secara meluas di Asia Tenggara dalam tempoh 5 ke 10 tahun akan datang. Sungguhpun kos yang diperlukan adalah tinggi kerana melibatkan perkakasan dan perisian yang moden serta terkini tetapi inovasi ini menjimatkan masa dan tenaga kerana dapat melengkapkan penugasan pengukuran di pesisir pantai dengan pantas tanpa memerlukan tenaga kerja yang ramai.



Post Process Data



Peralatan Pengimbasan Laser



KEJAYAAN MEMATAHKAN CUBAAN MENYELUDUP HAIWAN EKSOTIK



Bot Nelayan yang ditahan

Oleh: Lt Mohammad Shafiq Bin Zainon TLDM

Pemerdagangan haiwan terancam kerap dilaporkan pada masa kini. Amalan pemakanan eksotik yang diwarisi turun temurun telah menyebabkan haiwan eksotik yang dilindungi undang-undang ini terus mendapat permintaan yang tinggi di pasaran gelap terutamanya. Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk jenis pemerdagangan haiwan-haiwan eksotik ini yang mana mampu dilakukan melalui pelbagai kaedah. Keluasan sempadan maritim negara yang mana mencapai sehingga 200 batu nautika membuatkan jenayah ini juga berkemungkinan besar dapat dilakukan dengan menggunakan jalan laut. Hal ini telah meletakkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan di perairan negara ini.

Kejayaan KD LAKSAMANA HANG NADIM dalam penangkapan sebuah bot nelayan asing dalam cubaan menyeludup sebanyak 153 ekor tenggiling ataupun dalam bahasa saintifiknya Manis Javanica telah menjadi bukti betapa seriusnya pihak TLDM dalam menangani jenayah ini dari terus berlaku di perairan negara. KD LAKSAMANA HANG NADIM yang mana pada ketika itu masih dalam penguasaan rondaan OP PEJARAK pada mulanya telah mengesan sebuah kontak yang mencurigakan berada di kedudukan kira-kira 50 batu nautika Barat Laut Pulau Jarak iaitu lebih kurang 15 batu nautika dari garisan sempadan Malaysia. Kapal mula mengesyaki sesuatu apabila bot tersebut tidak mempunyai sebarang

peralatan menangkap ikan akan tetapi mempunyai beberapa tong ikan yang kosong di atas bot. Kapal seterusnya menahan bot tersebut untuk melakukan pemeriksaan lanjut.

Pasukan Geledah kapal telah diarahkan untuk memeriksa setiap ruang dalam bot tersebut termasuk di dalam ruang bilga bot dan telah menjumpai sejumlah 15 sangkar yang mana setiap satunya mempunyai 10 hingga 11 ekor tenggiling. Sehubungan dengan itu tekong bot telah disoal siasat dan telah memaklumkan bahawa botnya dalam perjalanan menuju ke satu titik pertemuan di laut untuk mengadakan pertemuan dengan pembeli dari Malaysia. Pemeriksaan juga mendapati ke semua awak-awak beserta tekong seramai tiga orang itu tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri mahupun dokumen perjalanan yang sah.

Kapal seterusnya mengkoordinasikan satu pertemuan dengan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) KM MALAWALI yang kebetulan turut menjalankan



KD LAKSAMANA HANG NADIM



Fasa Penggeledahan

rondaan di kawasan yang sama. Selepas menyerahkan bot tersebut, kapa meneruskan rondaannya dalam OP PEJARAK. Kes ini telah diserahkan dibawah penyiasatan Jabatan Perhilitan yang mana disabitkan kesalahan mengikut Akta Perlindungan Hidupan Liar 76/1972. Hasil siasatan mendapati anggaran ke semua haiwan eksotik tersebut dianggarkan bernilai RM 202.000.00.

Kejayaan ini turut mendapat liputan media massa seperti yang direncanakan dalam Harian Metro bertarikh 18 Dis 10. Kejayaan ini turut membuktikan kepada masyarakat umum bahawa peranan TLDM sememangnya tidak terhad kepada persediaan untuk menghadapi peperangan sahaja namun turut membantu dalam menjaga kedaulatan negara dari pencerobohan dan penyalahgunaan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.



Tenggiling yang dirampas

PENERBANGAN IHSAN TLDM BANTU IBU HAMIL



Helikopter Fennec Mendarat di Padang Bola JHEO, Kuala Lipis

Oleh: Lt Siti Salina Johari TLDM

Foto: LK PNK Mohd Faris Rasully Matt Nor

Sebuah Helikopter Fennec dari Skwadron 502 milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah melakukan misi penerbangan ihsan membawa seorang wanita Orang Asli yang berhadapan dengan masalah komplikasi kelahiran pramatang.

Buat pertama kalinya penerbangan membawa Orang Asli ke hospital menggunakan perkhidmatan TLDM berikutan jabatan lain memiliki tugas penuh yang tidak dapat dielakkan.

Midah Bah Pattis, 31 dari kaum Semai yang sedang mengandung lapan bulan dikatakan mengalami sakit perut kira-kira jam 4 pagi dan perlu mendapat rawatan segera serta pemeriksaan lanjut di Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEO). Pemindahan pesakit kali ini terpaksa dilakukan berikutan kekurangan peralatan di klinik masyarakat yang berhampiran serta pengangkutan udara sangat diperlukan kerana tiada kemudahan laluan darat yang sesuai.

Helikopter Fennec telah dikendalikan oleh Kapten Ahmad Sharifudin Abu Bakar TLDM dan turut dibantu Leftenan Nur Aman Mohamed Poat TLDM.

Pesakit telah dibawa menaiki helikopter dari Kuala Lipis, Pahang kira-kira jam 1442H dan selamat tiba di padang bola JHEO pada jam 1527H. Walau bagaimanapun, Midah dilaporkan stabil dan masih mampu bergerak secara perlahan sewaktu pendaratan selesai dilakukan. Midah Bah Pattis telah selamat melahirkan seorang bayi perempuan pada 3 Disember 2010 di Hospital Selayang.



Pesakit dibawa turun dari Helikopter Fennec dan diiringi oleh Jururawat

PENERBITAN BRL 1066 EDISI KEDUA

(oleh Lt Kdr Mohamad Idrus bin Mat Zain TLDM)
PS 2 Dasar Perkhidmatan

TLDM menjangkau usia penubuhannya yang ke 77 tahun, usia yang memaparkan kematangan sesebuah organisasi dan telah berjaya mengorak langkah ke hadapan dengan menjayakan proses pengemaskinian salah satu daripada buku rujukannya, iaitu *Malaysian Book of Reference (MBR) 1066 Jilid I, II dan III* sebagai suatu korpus atau manual terpenting yang pernah dihasilkan setakat ini ke arah kegiatan pembangunan modal insan TLDM.

Langkah pengemaskinian manual secara tersusun ini telah dilaksanakan berikutan hasil tinjauan dan pengamatan Bahagian Sumber Manusia (BSM) terhadap corak perubahan struktur pialwaan latihan sedia ada, dan aktiviti pembangunan kerjaya modal insannya yang dilihat sentiasa dinamik serta kian menuntut perubahan. Semenjak penghasilan edisi pertamanya sekitar tahun 1993 (18 tahun) yang lalu, evolusi penarafan semula tahap pialwaan kemahiran, tingkat keilmuan dan gaya tingkah laku anggota TLDM ke arah kecemerlangan telah menjadi kelaziman. Kelaziman yang mana menjadi lumrah, kemestian dan tuntutan elemen terpenting selaras usaha membangunkan modal insan berintegriti tinggi, sentiasa berupaya menjamin kesiapsiagaan armada serta menguruskan aset-aset strategik TLDM.

Cabaran dan perubahan ini dilihat telah memberi kesan terhadap arah tuju pembangunan modal insan TLDM di mana sebilangan besar isi kandungan MBR 1066 yang telah menyerap keperluan arahan-arahan TLDM terdahulu, termasuklah struktur kursus-kursus, syarat-syarat perkhidmatan atau lain-lain peraturan-peraturan berkaitan dasar sumber manusia ATM dilihat kini kian berubah, dan ada antaranya menjadi tidak efektif untuk dikekalkan. Ironinya ia telah menuntut supaya keperluan manual ini dirombak semula, dilaksanakan pindaan secara menyeluruh serta secepat yang mungkin.

Usaha pengemaskinian dan penerbitan MBR 1066 bukanlah menjadi isu baru, terdahulu sebelumnya ianya pernah tertangguh selama sepuluh tahun lalu, iaitu semenjak tim pertama dilantik pada tahun 2000. Namun dengan peralantikan semula tim yang baru, usaha pengemaskinian manual ini dapat diperincikan semula isi kandungannya dengan pendekatan yang lebih sistematik dan memenuhi keperluan sumber manusia semasa TLDM dan ATM amnya, malahan telah berjaya disiapkan berbentuk draf lengkap dalam masa singkat iaitu sekitar 7 bulan sahaja. Proses penambahbaikan ini turut mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada responden-responden sesuai terhadap keperluan analisis pekerjaan TLDM terutamanya melibatkan kemahiran kapal selam yang diletakkan bahagian secara eksklusif di dalam manual ini.

Selaras dengan kesesuaian tajuk dan julat buku rujukan terkini yang terkandung dalam BRL 1 TLDM, maka manual ini telah dipinda namanya untuk lebih mesra dikenali sebagai BRL 1066 Edisi Kedua 2010. Draf BRL 1066 yang baru ini dibahagikan kepada dua jilid bagi pegawai dan askar laskar. Rujukan Jilid I adalah manual berkaitan laluan kerjaya dan kursus yang masih dikekalkan untuk keperluan pegawai. Manakala rujukan Jilid II pula menjadi garis panduan kepada laluan kerjaya dan kursus



BRL1066

askar laskar. Sebagai memudahkan pengaturcaraan, Jilid III terdahulu secara amnya dibatalkan dan segala maklumatnya diserapkan ke dalam Jilid II.

Umumnya, rantaian kronologi dalam usaha penghasilan BRL 1066 Edisi Kedua ini telah mula dilaksanakan oleh BSM Cawangan Dasar dan Penyelidikan bersama-sama Cawangan-Cawangan lain serta unit-unit latihan yang terlibat sejak 30 Mac sehingga 25 Okt 2010. Ringkasan kronologi seperti berikut:

Pendekatan dan format penerbitan BRL 1066 Edisi Kedua ini telah berjaya mengemas kini kandungan asalnya supaya lebih menepati terhadap keperluan perintah atau peraturan yang masih berkuatkuasa sahaja. Umumnya menjurus kepada keperluan berkaitan pembangunan sumber manusia yang telah disahkan sama ada di peringkat TLDM dan ATM. Di samping itu, perbandingan keperluan pembangunan sumber manusia yang disenaraikan di dalam Perintah Am (PA) TLDM sedia ada turut dilaksanakan proses rujuk silang agar ianya selari dan tidak tersasar.

Penerbitan BRL 1066 Edisi Kedua ini juga mempunyai kelebihan di mana format pembaharuan terhadap kedua-dua jilid bagi pegawai dan askar laskar diselaraskan supaya memudahkan keperluan proses rujukan dan pengemaskinian dari semasa ke semasa. Ianya dihasilkan semula berasaskan inovasi kepada tiga bahagian. Bahagian 1 menjurus elemen syarat-syarat perkhidmatan, manakala Bahagian 2 menetapkan garis panduan terhadap elemen pendidikan dan latihan serta Bahagian 3 dikhususkan untuk elemen pengurusan perkhidmatan. Selain itu, manual ini juga memperkenalkan ruangan singkatan nama abbreviation dan setiap bahagian disediakan rujukan bagi tujuan memudahkan proses rujuk silang dalam menyediakan fakta sahih.

Berbeza dengan penghasilan MBR 1066 sedia ada sekiranya dibandingkan iaitu hanya menekankan skim latihan dan kerjaya yang digabungkan dalam Bahagian 1. Manakala peraturan syarat perkhidmatan dan kenaikan pangkat turut digabungkan dalam bahagian 2. Format sedia ada dilihat menimbulkan kekeliruan bagi pengguna kerana menggabungkan elemen-elemen yang berlainan di dalam satu bahagian, bahkan tiada persamaan dalam penghasilan jilid.

SUKAN SEBAGAI SATU TRANSFORMASI KE ARAH PENINGKATAN IMEJ INDIVIDU DAN ORGANISASI



Perlawanan Ragbi TLDM dan TUDM

Oleh: Lt Kdr Abu 'Amar bin Darus TLDM

Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan sukan sebagai segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga. Manakala bersukan didefinisikan sebagai melakukan atau menyertai aktiviti sukan. Dalam konteks hari ini bersukan ditakrifkan sebagai segala aktiviti kompetitif yang diinstitusikan dan melibatkan pergerakan dan kemahiran fizikal di mana penyertaan seseorang itu didorongkan oleh kepuasan dalaman atau ganjaran luaran.

Sukan adalah penting dalam kehidupan kita. Namun begitu, ramai orang tetap mengabaikannya dan tidak melihatnya sebagai sebahagian daripada kehidupan. Masyarakat masa kini lebih suka mengisi masa terluang dengan melakukan perkara-perkara yang tidak menyumbang ke arah pembentukan tubuh badan yang sihat. Mereka menganggap aktiviti sedemikian lebih menyeronokkan berbanding bersukan. Terdapat juga yang lebih mementingkan kerjaya berbanding bersukan tanpa menyedari bahawa mereka perlu mengimbangi kedua-duanya kerana tubuh badan yang sihat akan membantu kearah pencapaian yang baik dalam kerjaya. Ini adalah kerana, pekerja yang cergas dan aktif akan lebih sihat serta berdaya saing selain dapat meningkatkan prestasi kerja lebih produktif.

Kehidupan masyarakat kini yang sibuk mencari rezeki juga telah menyebabkan ramai orang tidak mempunyai masa untuk bersukan. Lama kelamaan, mereka akan biasa dengan tabiat hidup yang tidak bersukan. Seinggakan ada juga yang menganggap bahawa bersukan adalah satu aktiviti yang membuang masa. Ini turut didorong oleh gaya hidup yang negatif seperti merokok, minum arak dan makan makanan yang berkolesterol tinggi, serta makanan yang berlemak. Semua tabiat hidup di atas adalah buruk dan akan membahayakan kesihatan badan kita.

Kajian perubatan menunjukkan bahawa masyarakat kini telah dinafikan banyak aktiviti fizikal yang mana ia boleh menyebabkan keadaan fizikal yang lemah. Kekurangan aktiviti fizikal seperti bersenam atau bersukan boleh

menyebabkan penurunan prestasi paru-paru dan saluran darah tersumbat dengan kolesterol. Keadaan ini boleh menyebabkan ketidakupayaan fungsi organ badan seperti masalah jantung, tekanan darah tinggi, aterosklerosis dan lain-lain masalah pengaliran darah. Tambahan lemak yang tidak diperlukan oleh badan, kemerosotan kekuatan otot badan boleh menjejaskan posture dan menyebabkan masalah fizikal seperti kecacatan ortopedik. Oleh itu, fizikal harus dirangsang dan aktiviti fizikal harus dijalankan sekurang-kurangnya 30 minit untuk 3 hari dalam seminggu.

Perubahan sosio-politik masyarakat dan peredaran masa telah membawa perubahan kepada konsep dan persepsi terhadap sukan. Hari ini sukan dilihat dapat membawa satu fenomena yang

baru dalam kehidupan manusia yang mana konteks kepentingan bersukan menjadi lebih luas dengan meliputi perkara-perkara berikut:

1. Kesihatan dan Kecergasan
2. Rekreasi dan Keseronokan
3. Budaya dan Sosial
4. Teori Katarsis
5. Kecemerlangan
6. Kebendaan/pengiktirafan

Selain itu, dasar sukan negara telah mengiktiraf sukan sebagai satu agen perpaduan yang berkesan dalam setiap lapisan masyarakat yang mana Malaysia telah membuktikan bahawa sukan merupakan salah satu platform dalam memperkukuhkan integrasi nasional. Hasilnya dapat dilihat dengan kejayaan Datuk Lee Chong Wei mengungguli sukan badminton dunia dengan dibimbing oleh Datuk Hj Misbun Sidek dan juga kejayaan Skuad Harimau Malaya di bawah bimbingan jurulatih yang terdiri dari pelbagai bangsa. Sukan juga merupakan pendukung aspirasi 1 Malaysia yang melangkaui batasan agama, bangsa dan fahaman politik.

Islam menggalakkan umatnya menjadi kuat dan mencari jalan untuk kuat. Dalam Hadith, Rasulullah S.A.W., memerintahkan kita dengan bersabda: "Ajarlah anak-anak kamu berenang, memanah dan menunggang kuda". Ini ialah seruan jelas untuk bersukan yang menunjukkan Islam meletakkan kepentingan bersukan dalam melatih umat Muslim dan menjadikan badan mereka sihat dan cergas. Tidak hairanlah apabila pepatah menyebut: "Minda yang cerdas bermula dari badan yang sihat." Kesedaran rakyat negara ini dalam mengamalkan gaya hidup sihat begitu membimbangkan apabila kajian mendapati daripada kira-kira 25 juta jumlah penduduk, tidak sampai 10 peratus yang aktif bersukan. Berbanding negara lain seperti di Barat, penduduk negara ini sedia maklum mengenai kepentingan bagi menjalani kehidupan lebih sihat tetapi mereka tidak melaksanakannya. Sehubungan itu Y.B. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Belia dan Sukan Malaysia menyarankan agar budaya bersukan perlu diterapkan dalam sebagai satu gaya amalan hidup seharian. Kementerian Belia dan Sukan telah menetapkan 50 peratus daripada masyarakat Malaysia berbudaya sukan menjelang 2020 sebagai sasaran.

Dalam konteks ATM pula, TLDM dilihat telah memberi sokongan yang tinggi dalam menggalakkan warganya untuk sentiasa bersukan. Ini terbukti berhasil apabila TLDM telah berjaya

menjadi juara keseluruhan selama 3 tahun berturut-turut dalam sukan antara perkhidmatan ATM.

Selain itu, TLDM juga telah melahirkan ramai atlit tidak kira di peringkat negeri ataupun kebangsaan yang telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Ini secara tidak langsung telah mengharumkan nama TLDM dalam arena sukan. Saranan pengurusan tertinggi TLDM yang menggalakkan setiap warga TLDM untuk menjadikan sukan sebagai gaya hidup sihat perlu dilaksanakan dengan sebaiknya kerana ia secara tidak langsung akan mendorong ke arah pencapaian 3K

iaitu Kesegakan, Kecergasan dan Kesihatan. TLDM bukan sekadar menyaran supaya setiap warganya bersukan, malah turut menyediakan segala kemudahan dan infrastruktur selain memperuntukkan hari untuk bersukan. Inovasi terkini yang dilaksanakan oleh KD SRI GOMBAK, iaitu pelaksanaan program penurunan berat badan bagi warga TLDM sekitar Lembah Kelang yang dilaksanakan 3 kali seminggu diharapkan dapat mencapai objektifnya dan contohi oleh unit-unit lain.



MESYUARAT AGUNG PERTAMA BAKAT LAUT 2011 MENJANA INSPIRASI



Oleh: Lt Kdr Azlina TLDM, Setiausaha BAKAT Laut

Pada 6 Jan 2011 yang lalu, Jemaah Teringgi BAKAT Laut telah bersidang melalui Mesyuarat Jemaah Teringgi BAKAT Laut. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg Puan Sri Sarah bte Ab Ghafar bersama semua ahli Jemaah Teringgi BAKAT Laut yang lain. Turut serta dalam mesyuarat tersebut adalah Penasihat BAKAT Laut, PS 1 SELWA, Setiausaha BAKAT Laut dan semua Setiausaha BAKAT formasi serta Bendahari BAKAT. Tujuan utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan segala pelaksanaan dan perancangan aktiviti dan kewangan BAKAT Laut setiap formasi sepanjang tahun 2010 dan tahun 2011.

Di dalam mesyuarat ini juga, Pengerusi telah membentangkan peruntukan kewangan yang diterima oleh setiap BAKAT formasi bagi pelaksanaan aktiviti tahun 2011. Pemberian peruntukan ini diluluskan berdasarkan prestasi aktiviti, baki kewangan penggal lalu dan juga sebarang justifikasi tambahan aktiviti yang dibentangkan sendiri oleh Pengerusi BAKAT setiap formasi. Penambahan peruntukan biasanya melibatkan aktiviti kebajikan di mana bahagian ini tidak dapat meramalkan berapa banyak peruntukan yang diperlukan kerana ianya bergantung kepada kes-kes kebajikan yang diterima dari semasa ke semasa. Biasanya, formasi utama seperti BAKAT Laut Lumut dan juga BAKAT Laut MWL

2 akan memerlukan peruntukan yang lebih besar memandangkan ahlinya lebih ramai daripada formasi yang lain.

Pengerusi turut membentangkan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh BAKAT Laut bagi tahun 2011 bermula dari bulan Januari sehinggalah bulan Disember untuk makluman dan persediaan awal kepada mana-mana formasi yang terlibat di dalam aktiviti yang telah disenaraikan. Aktiviti yang dirancang ini tidak termasuk perancangan aktiviti BAKAT ATM yang juga memerlukan penglibatan daripada BAKAT Laut. Senarai aktiviti BAKAT Laut sepanjang Tahun 2011 adalah seperti berikut:

Januari	
6 Jan	Mesyuarat Jemaah Teringgi BAKAT Laut.
26 Jan	Mesyuarat Jemaah Teringgi BAKAT ATM.
Februari	
1 Feb	Pelancaran 3G di MAWILLA 1.
12 dan 13 Feb	Seminar Semai Bakti di PTKK.
19 Feb	Seminar Perundangan Kekeluargaan di MWL 1.
Mac	
3 hingga 6 Mac	Seminar Ilmiah Modul 3 (Ibu Bapa Cemerlang) di Felda Residence Trolak dan Hot Spring Sungkai.
19 Mac	Ceramah Menangani Keganasan Wanita di PHN.
26 Mac	Kursus Umrah dan Haji Oleh Lembaga Urusan Tabung Haji.
April	
4 hingga 14 Apr	Program Umrah dan Ziarah BAKAT Laut di Mekah.
28 Apr	Lawatan ke 96 HAT/Majlis Meraikan Balu-balau dan Anak-anak Yatim.
29 Apr	Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa.

Mei	
21 Mei	Seminar Perundangan Kekeluargaan di PHN.
27 hingga 29 Mei	Kursus, Etika dan Protokol di MWL 2.
Jun	
30 Jun hingga 1 Jul	Mesyuarat JLAKS BAKAT Laut.
Julai	
20 Jul	Membungkus Kuih Raya.
23 hingga 24 Jul	Pertandingan Bowling antara BAKAT Perkhidmatan.
Ogos	
4 Ogos	Qiyam Ramadhan.
18 Ogos	Qiyam Ramadhan.
September	
24 Sept	Ceramah Menangani Keganasan Terhadap Wanita di Auditorium KDSI I
29 Sept	Majlis Tahsil Bakal Haji.
30 Sept hingga 2 Okt	Seminar Ilmiah Modul 1 di KDSI.
Oktober	
7 hingga 8 Okt	Pertandingan Memasak BAKAT Laut di MWL 3.
November	
24 hingga 26 Nov	Mesyuarat JLAKS/BAKAT.
26 Nov	Majlis Jasamu Dikenang.
Disember	
6 hingga 10 Dis	LIMA 2011 di Pulau Langkawi.
20 Dis	Mesyuarat Perancangan Aktiviti Tahun 2012.

Deretan aktiviti yang disusun menggambarkan bahawa BAKAT Laut merupakan satu badan yang sentiasa bergerak aktif dan sentiasa berusaha memastikan setiap ahlinya mendapat manfaat daripada setiap aktiviti yang diadakan. BAKAT Laut sentiasa membuka ruang kepada ahli-ahlinya untuk menimba dan menambah ilmu pengetahuan dengan pelbagai seminar yang dirancang meliputi aspek kerohanian, pengurusan kewangan, kekeluargaan, kesihatan dan juga kaunseling. Bagi memenuhi objektif sebagai sebuah badan kebajikan, BAKAT Laut sentiasa cuba mempelbagaikan aktiviti pada setiap tahun bagi membantu ahli-ahlinya menjadi seorang wanita, isteri dan ibu yang dihormati juga dikasihi oleh suami dan anak-anak.

Kepelbagaian aktiviti yang dijalankan juga adalah merupakan cetus idea daripada Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut dengan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada Ahli Jemaah Tertinggi yang lain. YBhg Puan Sri Sarah merupakan seorang Ibu BAKAT yang amat mementingkan aspek pendidikan dan kebajikan terhadap seluruh ahli keluarga BAKAT. Malahan YBhg Puan Sri juga sedang merancang untuk mengadakan Program Spelling Bee di setiap BAKAT formasi untuk memupuk minat membaca di kalangan anak-anak anggota tentera.



Mesyuarat Agung Pertama



Antara Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Laut yang hadir



Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg Puan Sri Sarah bte Ab Ghafar

Program ini dijangka akan diadakan pada bulan Nov 11. Di atas sikap keperihatinan beliau terhadap program pendidikan, maka tidak hairanlah pada setiap tahun pelbagai seminar yang berunsurkan ilmiah dan kerohanian dijadikan sebagai salah satu agenda utama aktiviti yang dirancang.

Acara kemuncak bagi Tahun 2011 adalah Program Umrah dan Ziarah ke Mekah yang telah dianjurkan pada 4 hingga 14 April 2011. Program ini adalah yang julung-julung kali diadakan oleh BAKAT Laut dan di harap akan menjadi satu aktiviti rasmi dalam kalendar BAKAT Laut. Semoga semua aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan jayanya dan dapat memberikan manfaat seperti mana yang diharapkan. BAKAT Laut akan terus menabur jasa dan bakti dalam memastikan kesejahteraan keluarga anggota tentera sentiasa terbelas.

“Bersama Berbakti”



SAYA WAKIL DARI SYARIKAT INSURANS EKSPRES. INI RUMAH ENCIK MAOR KE? NAK BAYAR WANG PERLINDUNGAN!

WAH! EKSPRES BENOR SYARIKAT KAMI NI. ANAK AKU BARU SATA MENINGGAL TADI, KAMI DAH SAMPAI.

Pilihlah agen dan syarikat insurans yang lebih bertanggungjawab.

KITALAH BAKAL ALLAHYARHAM DAN ALLAHYARHAMAH

Oleh: Kapt Abdul Jabar bin Yusof (Peg Staf Kerohanian Mk TL)

Ketetapan hakiki yang tidak dapat disangkal oleh setiap manusia ialah kematian yang menjelma. Usah berbangga dengan majlis Happy Birthday yang disambut keterlaluan sedangkan hakikatnya usia semakin singkat. Sesaat waktu berlalu, semakin hampir kita dengan kematian. Apabila terpisah nyawa dari jasad, ketika itu jua gelaran jenazah kita miliki. Inilah ketetapan hakiki yang akan dilalui oleh setiap manusia walau apapun status serta gelaran yang mereka miliki di dunia, sama ada kita suka ataupun tidak. Rasulullah s.a.w mengingatkan umatnya tentang perkara tunggal yang akan dibawa bersama oleh jenazah ke kuburan ialah:

Tiga perkara akan mengiringi jenazah ke kuburan. Pertama Keluarganya, Kedua Hartanya dan ketiga Amalannya. Dua perkara akan pulang, dan satu perkara akan kekal bersamanya. Keluarga dan hartanya akan pulang. Sebaliknya yang akan kekal ialah AMALANNYA. Mafhum Hadis

Sememangnya amalan merupakan bekalan serta teman sejati yang akan mengiringi kita menuju destinasi kehidupan yang kekal abadi. Amalan yang baik merupakan aset berguna yang dijana oleh muslim yang memikirkan tentang keperluan kehidupan akhirnya. Amalan yang baik boleh dijana melalui harta yang dikurniakan oleh Allah dengan bersedekah,

menderma, mengeluarkan zakat dan sebagainya. Amalan baik juga boleh menjadi saham berguna kepada calon-calon jenazah dengan menjadikan dirinya manusia yang berguna kepada orang lain. Tujur bicara, tenaga serta mindanya dimanfaatkan sepenuhnya untuk kemaslahatan sejagat. Detik yang berlalu dalam hidupnya dimanfaatkan sepenuhnya dengan mencipta pelaburan terbaik dalam simpanan akhiratnya ke arah menjadi manusia yang bertaqwa kepada Allah s.w.t. Mereka pantas mencuri peluang kebaikan sebanyak mungkin dengan merebut melakukan kebaikan melalui cara apa sekalipun.

HUBUNGAN DENGAN ALLAH

Perintah wajib yang mesti dilakukan seperti solat dilakukan dengan penuh disiplin kerana mereka menyedari falsafah solat memberikan ketenangan yang tidak mungkin mampu dibeli dengan wang ringgit. Kedatangan solat dinanti-nantikan bagai sedang menunggu pertemuan dengan orang tersayang. Mereka Berjaya menjadikan solat sebagai penyejuk mata penenang jiwa dalam kehidupan seharian. Rasulullah bersabda yang bermaksud " Sembahyang bertindak sebagai penyejuk mata penenang jiwa dalam diriku" Lima waktu yang dilalui bagaikan tidak cukup untuk saling berasmara kerana nikmat



pertemuan itu sangat singkat tetapi bernilai. Merpati dua sejoli bertemu bukan gambaran untuk disamakan pertemuan dalam solat. Nikmat kepulauan bertemu isteri dan anak-anak dari misi PBB atau pelayaran tidak mampu disamakan dengan pertemuan dalam solat.

Amalan mereka yang bertakwa juga sangat menitikberatkan hubungan sesama manusia. Pancaindera mereka digunakan untuk manfaat orang lain bukan digunakan untuk kebencian mereka. Hubungan mereka saling bertaut bagaikan saudara kembar. Rasulullah bersabda "Tidak beriman seseorang kamu, sehingga dia menyayangi saudaranya seperti dia menyayangi dirinya sendiri". Lidahnya terpelihara dari tutur kata yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Kata nista dan mengumpat dilontar jauh dari koleksi percakapannya. Tangannya pula sentiasa merebut peluang keemasan untuk menolong orang lain. Istilah ringan tulang bagaikan sebatil dalam dirinya tanpa mengharapkan balasan manusia kerana dia menyedari balasan akhiratnya lebih bernilai dari segalanya. Kakinya pula sentiasa melangkah ke tempat kebaikan seperti masjid, surau, rumah kebajikan, rumah anak-anak yatim. Langkahnya yang pertama dimanfaatkan sepenuhnya untuk langkahan berikutnya ke tempat yang memberikan pahala kepadanya. Langkahnya sangat berhati-hati seakan meniti jambatan sempit. Langkah seterusnya bermula dari langkah pertama. Langkah manusia diumpamakan begini:

- Langkah**
- Langkah Anak**
- Langkah Bermain**
- Langkah Si Muda**
- Langkah Berhajat**
- Langkah Si Tua**
- Langkah Berniat**
- Langkah Hulubalang**
- Mengira Saat**
- Langkah Si Pencuri**
- Berhad-had**
- Langkah Si Bebal**
- Mengikut Kaki**
- Langkah Berakal Penuh Erti**

Manakala Hati mereka penuh dengan sifat mahmudah yang akan menjana sebanyak mungkin amalan

kebaikan dalam hidup seperti ikhlas, jujur, amanah, bersangka baik, dan sebagainya. Hati yang tenang lagi tenteram akan menjauhkan diri dari sifat mazmumah seperti hasad, dengki, khianat, buruk sangka (prejudis) dan sebagainya. Rasulullah bersabda " Dalam diri manusia tedapat segumpal darah, jika elok ia maka eloklah seluruh jasadnya. Jika rosak ia, maka rosaklah seluruh jasad tersebut. Itulah Hati ". Akal merupakan kurniaan terbesar kepada manusia dimanfaatkan sepenuhnya bertindak sebagai Jentera utama memandu seluruh pancaindera dengan perintah hati yang dimiliki. Akal juga anugerah terbesar yang membezakan manusia dengan haiwan. Akal boleh digunakan untuk kebaikan yang menjadi amalan kebaikan dan juga kejahatan melebihi binatang. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud "Sesungguhnya kami sediakan bagi Neraka Jahannam itu banyak Manusia dan Jin. Mereka mempunyai hati tetapi tidak memanfaatkannya, mempunyai mata tetapi tidak melihat (Kebesaran Allah), mempunyai telinga tetapi tidak mendengar(ayat-ayat Allah) . Jadilah mereka seperti Binatang Ternak. Bahkan mereka lebih sesat".

PENGURUSAN HARTA

Peringatan Allah s.w.t tentang harta sangat jelas iaitu harta dan anak-pinak hanya sekadar penghias kehidupan di dunia. Jika diurus tadbir mengikut kehendak syarak harta dan anak pinak mampu bertindak sebagai aset berguna untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi. Orang yang beriman menyedari hakikat bahawa harta yang dimiliki melalui kurniaan Allah s.w.t mempunyai hak orang lain di dalamnya. 2.5% dikeluarkan zakat daripada 100% amat sedikit dan tidak membebankan. Mereka menjadikan sedekah sebagai amalan rutin. Bayangkanlah jika di awal pagi ketika melangkah masuk ke dalam masjid untuk menunaikan solat subuh berjamaah dimulakan dengan langkahan menuju ke tabung yang disediakan di muka pintu lalu memasukkan RM1 ke dalamnya. MasyaAllah mereka ini mengerti tentang harta yang dimiliki hanya sementara. Mereka tidak mahu ditipu daya oleh harta dengan terlalu sayangkan harta sehingga sifat seperti kedekut,

bakhil, tahi hidung masin, tidak mengeluarkan zakat seringkali membelenggu diri. Orang yang ditipu oleh harta diumpamakan mereka yang individualistik. Bayangkanlah jika seorang anak yang kedekut. Apabila tiba saat untuk berpisah dengan ibunya keseorangan di kampung untuk pulang ke kota, langsung tidak terfikir untuk menghulurkan sedikit wang kepada ibu yang membesarkannya sejak kecil. Apalah sangat nilai RM50 dibandingkan dengan pengorbanan mereka membesarkan si anak.

Seperkara yang perlu diketahui oleh kita yang memiliki harta tentang sedekah, amal jariah, derma dan zakat iaitu semuanya ini memberikan pulangan yang luar biasa. Pemberian harta sama ada sedekah, derma, amal jariah dan zakat diumpamakan Art of Giving. The more you give. You will be getting more. Orang yang pemurah akan dibalas ganjarannya dengan nikmat yang bernilai iaitu ketenangan. Sudah pasti ketenangan tidak boleh disamakan dengan wang yang disumbangkan. Jauh lebih bernilai ketenangan yang diperolehi. Suami isteri yang pemurah mungkin dibalas pemberian wang ringgit mereka untuk kebaikan dengan dikurniakan kasih-sayang serta kebahagiaan rumahtangga. Bukankah lebih bernilai kasih-sayang serta kebahagiaan itu dibandingkan dengan pemberian mereka. Orang yang sering menderma dan beramal jariah kemungkinan akan dibalas dengan nikmat kesihatan. Bukankah kesihatan merupakan nikmat terbesar yang kita miliki. Apalah sangat nilai yang dikeluarkan jika dibandingkan dengan kesihatan diri. Inilah yang dimaksudkan dengan keberkatan melalui pengurusan harta yang betul. Jika tidak, jadilah harta sebagai musuh utama manusia yang akan menipu mereka dengan pencarian yang tiada henti. Mereka bergaduh, bertengkar, membunuh, memutuskan silaturrahim, mencero boh hak orang lain, mencuri, merompak, menipu dan sebagainya akibat ditipu oleh harta. Tiba-tiba Malaikat Mungkar dan Nakir menjelma dengan soalan yang paling menakutkan. "SIAPA TUHAN KAMU?" Apakah persediaan kita dengan amalan yang ada sekarang sebagai bekal kita sebagai BAKAL JENAZAH sekaligus bakal BERGELAR ALLAHYARHAM DAN ALLAHYARHAMAH?.

Kunjungan Hormat



Kunjungan Hormat Admiral Patrick M. Walsh pada 18 Januari 2011



Kunjungan Hormat Rear Admiral Samuel Perez pada 24 Januari 2011



Kunjungan Hormat Vice Admiral Scot Van Buskirk pada 8 Mac 2011.



Kunjungan Hormat Vice Admiral Witoon Kumpeaerapano pada 23 Februari 2011

Berita BERGAMBAR



Pelepasan Atlet Persatuan Lasak TLDM Untuk Malaysia Longest Distance Cycling by Duo pada 3 Januari 2011



Amanat Ulung PTL sempena Tahun Baru 2011 dan Pelancaran The Navy Plan pada 11 Januari 2011



Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah KD SRI GOMBAK pada 17 Januari 2011





Berita BERGAMBAR



Penyerahan Cek Sumbangan Syarikat Swasta kepada Persatuan-Persatuan di dalam TLDM pada 25 Januari 2011



Majlis Perasmian Penubuhan PALAPES Laut-ALAM pada 11 Februari 2011



Majlis Gong Xi Fa Cai pada 11 Februari 2011

Majlis Pelancaran Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 11 pada 17 Februari 2011



Majlis Serah Terima Tugas AKS Rancang dan Operasi, AKS Pengurusan Strategik dan AKS Sumber Manusia pada 24 Februari 2011



Lawatan DYMM SPB Yang Dipertuan Agong Ke Markas Angkatan Kapal Selam pada 9 & 10 Mac 2011

Engineering solutions that shape the future

MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd (MSM) is the sole distributor of MTU brand products in Malaysia and Brunei since 1981. MTU (Motoren- und Turbinen-Union), a Tognum Group Company, has more than 100 years experience and expertise in building engines and has a wide network of subsidiaries, distributors and agents around the world. MSM shares the same commitment to excellence and vision of its global MTU family. With a zeal for only the best, we have made great headway in developing specialized expertise locally and invested in infrastructure which enables us to provide complete services with regards to diesel engines, a one-stop centre for users across various applications and industries.

MSM's extensive activities encompass distribution, Maintenance, Repair & Overhaul (MRO), logistics solutions, after-sales services, training, product support and total maintenance of vessels. MSM continues to set standards others can measure by. Its aspiration is consistent with the country's vision of achieving developed nation status. By offering synergistic solutions and services, MSM is well on her way to further successes.



MTU Services (M) Sdn. Bhd.

No. 9-11 Block C1, Jalan PJU 1/41 Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tel: 603-7804 4766 • Fax: 603-7805 2192

E-mail: mtu@tm.net.my

MSM Service Centre

Lot 3708, Kawasan Perindustrian Sri Manjung,
32040 Bandar Baru Sri Manjung,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: 605-688 1152 • Fax: 605-688 1404

E-mail: mtuwshop@tm.net.my

MSM In-Service Support

Lot 65, Taman Industri Integrasi Rawang,
Jalan Industri 2/5, 48000 Rawang, Selangor.

Tel: (603) 6099 6600 • Fax: (603) 6099 6688

e-mail: is.support@msm-iss.com.my

MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd is the sole distributor and provides complete and exclusive service of MTU and DDC engines in Malaysia.

A Tognum Group Company

IDEAS DO NOT COME TO THOSE WHO WAIT. THEY COME TO THOSE WHO INNOVATE.



As our track records show, creativity goes a long way in making a statement about who we are and what we can do. Sapura Group's synergy stems from the integration of its people through technology, capability building, as well as the continuous efforts in research and development. Our sustained efforts have resulted in a globally competitive and highly specialised Group which thrives on home grown talent.

Having evolved over three decades, we are now focused in the sectors of Oil & Gas, Secured Technologies, Industrial & Automotive Manufacturing and Knowledge & Education.

Driving business agility through knowledge and technology.


Sapura Group

Sapura@Mines, No 7 Jalan Tasik, The Mines Resort City,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
tel: +603 8949 7000 fax: +603 8949 7725
website: www.sapura.com.my





ONE-STOP SOLUTIONS PROVIDER



Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. 199302-K

(A member of Boustead Group)

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 603-2078 7770 Fax: 603-2078 7768 Website: www.bhic.com.my